| STATISTIK PENUGASAN CARILAMAT DILAKSANAKAN TAHUN 2024 |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |           |
|---|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|-----------|
| PESAWAT   | BULAN    |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          | JUMLAH    |
|   | JAN      | FEB      | MAR      | APR      | MAY      | JUN      | JUL      | AUG      | SEP      | OCT      | NOV      | DEC      |           |
| AS365N3 ( DAUPHIN )                                   | -        | -        | 1        | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | 1        | 2         |
| CL415MP ( BOMBARDIER )                                | -        | 1        | 1        | 2        | -        | -        | -        | 2        | -        | 1        | -        | -        | 7         |
| AW139 ( AGUSTAWESLAND )                               | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 3        | 3         |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>2</b> | <b>2</b> | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>0</b> | <b>2</b> | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>0</b> | <b>4</b> | <b>12</b> |

*Jadual 7: Statistik Penugasan CARILAMAT Dilaksanakan Tahun 2024*

## PENERBANGAN OPERASI PESAWAT AS365N3 (DAUPHIN)

Secara keseluruhannya, pesawat AS365N3 telah berjaya melaksanakan penugasan yang dirancang, serta merekodkan sebanyak 318.7 jam penerbangan sehingga Disember 2024. Peningkatan pencapaian ini adalah disebabkan oleh faktor status pesawat AW139 yang mengalami insiden kemalangan pada Mac 2024, yang mengakibatkan peralihan beban penugasan kepada pesawat AS365N3. Jumlah penugasan dan jam penerbangan adalah seperti di **Jadual 8**.





## PENERBANGAN OPERASI PESAWAT CL415MP (BOMBARDIER)

Secara keseluruhannya, pesawat CL415MP mencatatkan prestasi cemerlang dengan melaksanakan penugasan yang dirancang, serta merekodkan 528.9 jam penerbangan sehingga Disember 2024. Dengan jangkauan operasi yang merangkumi seluruh Zon Maritim Malaysia, pesawat CL415MP memainkan peranan strategik dalam memastikan keselamatan dan pengawasan perairan negara dengan kecekapan tinggi.



## PENERBANGAN OPERASI PESAWAT AW139 (AGUSTAWESTLAND)

Sepanjang tahun 2024, pesawat AW139 hanya melaksanakan 20 penugasan, dengan 2 penugasan dibatalkan, dan merekodkan sebanyak 81.7 jam penerbangan sehingga Disember 2024. Penurunan ketara dalam jumlah penugasan dan jam penerbangan ini adalah akibat daripada insiden kemalangan melibatkan pesawat M72-01 pada Mac 2024, yang telah memberi impak terhadap pengoperasian pesawat AW139.



## LAPORAN PENGLIHATAN


Sepanjang tahun 2024, jumlah vesel dikesan di laut sebanyak **18767** buah sepanjang pemantauan melalui visual dan sistem pesawat. Pecahan mengikut kategori vesel yang telah dikesan adalah seperti **Jadual 11**.

| STATISTIK LAPORAN PENGLIHATAN TAHUN 2024 |                    |             |             |                  |             |            |                   |             |             |                    |             |             |              |
|--|--------------------|-------------|-------------|------------------|-------------|------------|-------------------|-------------|-------------|--------------------|-------------|-------------|--------------|
| BULAN                                    | SUKU TAHUN PERTAMA |             |             | SUKU TAHUN KEDUA |             |            | SUKU TAHUN KETIGA |             |             | SUKU TAHUN KEEMPAT |             |             | JUMLAH       |
|  | JANUARI            | FEBRUARI    | MAR         | APRIL            | MEI         | JUN        | JULAI             | OGOS        | SEP         | OKT                | NOV         | DIS         |              |
| VESELI                                   |                    |             |             |                  |             |            |                   |             |             |                    |             |             |              |
| VNT                                      | 1214               | 953         | 821         | 608              | 585         | 477        | 889               | 740         | 1021        | 1165               | 618         | 576         | 9676         |
| KAPAL DAGANG                             | 1238               | 1022        | 644         | 553              | 718         | 484        | 922               | 526         | 1025        | 921                | 575         | 457         | 9085         |
| KAPAL TANKER                             | -                  | 2           | -           | -                | 1           | -          | -                 | -           | -           | -                  | -           | -           | 3            |
| KAPAL KOREK/ PASIR                       | -                  | -           | -           | -                | -           | -          | -                 | -           | -           | -                  | -           | -           | -            |
| BARTER TRADE/BOT KARGO                   | -                  | -           | -           | -                | -           | 1          | -                 | 1           | -           | -                  | -           | -           | 2            |
| BOT TUNDA/ TUG BOAT                      | -                  | -           | -           | -                | -           | -          | -                 | -           | -           | -                  | -           | -           | -            |
| BOT LAJU/ BOT PANCUNG                    | -                  | -           | -           | -                | 1           | -          | -                 | -           | -           | -                  | -           | -           | 1            |
| <b>JUMLAH</b>                            | <b>2452</b>        | <b>1977</b> | <b>1465</b> | <b>1161</b>      | <b>1305</b> | <b>962</b> | <b>1811</b>       | <b>1276</b> | <b>2046</b> | <b>2086</b>        | <b>1193</b> | <b>1033</b> | <b>18767</b> |
| VESEL NELAYAN ASING (VNA)                |                    |             |             |                  |             |            |                   |             |             |                    |             |             |              |
| INDONESIA                                | 2                  | 19          | 3           | 3                | 7           | -          | -                 | 6           | 2           | 9                  | 5           | 10          | 66           |
| VIETNAM                                  | 6                  | -           | 5           | 4                | 8           | -          | -                 | -           | 6           | -                  | -           | -           | 29           |
| CHINA                                    | -                  | -           | -           | -                | -           | -          | -                 | -           | 5           | -                  | -           | -           | 5            |
| FILIPINA                                 | -                  | -           | -           | 1                | -           | -          | -                 | -           | -           | -                  | -           | -           | 1            |
| <b>JUMLAH</b>                            | <b>8</b>           | <b>19</b>   | <b>8</b>    | <b>8</b>         | <b>15</b>   | <b>0</b>   | <b>0</b>          | <b>6</b>    | <b>13</b>   | <b>9</b>           | <b>5</b>    | <b>10</b>   | <b>101</b>   |

Jadual 11: Statistik Keseluruhan Laporan Penglihatan Tahun 2024

## LAPORAN PENGESANAN AKTIVITI YANG DISYAKI MELAKUKAN KESALAHAN

Sebanyak **111** laporan pengesanan aktiviti yang disyaki melakukan kesalahan telah diterima berdasarkan *Mission Report (MISREP)* yang dimajukan selepas penerbangan. Pesawat telah mengesan sebanyak 111 buah bot/kapal yang disyaki melakukan kesalahan di kawasan perairan Malaysia. Sebuah (1) Vesel Nelayan Tempatan (VNT) dikesan melakukan kesalahan sepanjang tahun 2024 yang terdiri daripada kesalahan bubu naga. Pecahan kesalahan dan Statistik laporan pengesanan adalah seperti **Rajah 1**.



Rajah 1: Statistik Laporan Pengesanan



## PENGESANAN VESEL NELAYAN TEMPATAN (VNT)

Pesawat juga telah membuat pemantauan terhadap VNT sepanjang tahun 2024. Statistik pecahan jenis kesalahan VNT mengikut bulan dan negeri diperincikan seperti di **Jadual 13**.


| STATISTIK PECAHAN PENGESANAN MENGIKUT BULAN |           |             |          |               |                           |                       |             |             |                  |          |          |
|---|-----------|-------------|----------|---------------|---------------------------|-----------------------|-------------|-------------|------------------|----------|----------|
| AKTIVITI BULAN                              | BUBU NAGA | RAWA SORONG | KENKA    | TUNDA GANDING | BOT KELAS C/C2 (SEMPADAN) | BOT KELAS B (PESISIR) | BOT PANCING | KAPAL LAYAR | PENEMPATAN HARAM | BOM IKAN | JUMLAH   |
| JANUARI                                     | 1         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 1        |
| FEBRUARI                                    | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| MAC   | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| APRIL                                       | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| MEI   | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| JUN   | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| JULAI                                       | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| OGOS  | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| SEPTEMBER                                   | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| OKTOBER                                     | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| NOVEMBER                                    | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| DISEMBER                                    | -         | -           | -        | -             | -                         | -                     | -           | -           | -                | -        | 0        |
| <b>JUMLAH</b>                               | <b>1</b>  | <b>0</b>    | <b>0</b> | <b>0</b>      | <b>0</b>                  | <b>0</b>              | <b>0</b>    | <b>0</b>    | <b>0</b>         | <b>0</b> | <b>1</b> |

**Jadual 13:** Statistik Pecahan Pengesanan Mengikut Bulan

Berdasarkan **Jadual 13** menunjukkan terdapat kesalahan yang disyaki malakukan aktiviti Bubu Naga. Justeru itu pemantauan udara perlu ditingkatkan terutama bagi kawasan pesisir pantai bagi mengesan dan memantau aktiviti VNT ini terus berleluasa.

## PENGESANAN VESEL NELAYAN ASING (VNA)

Hasil pemantauan, pesawat telah mengesan pencerobohan VNA di perairan negara. VNA terdiri dari Indonesia, Vietnam, China dan Filipina. Pecahan statistik telah diperincikan seperti dalam **Rajah 2**.



**Rajah 2:** Statistik Pengesanan VNA

## PENGESANAN KAPAL PENGUATKUASA ASING

Pesawat juga telah merekodkan pengesanan ke atas 15 buah Kapal Penguatkuasa Asing dan juga Kapal Perang dari beberapa buah negara sepanjang tahun 2024. Sebanyak 1 Vesel Penguatkuasa Asing Indonesia, 4 buah dari China, 4 buah dari Rusia, 4 buah dari Vietnam dan masing-masing 1 buah Australia dan Filipina.

**Jadual 15** menunjukkan bilangan pengesanan Kapal Penguatkuasa Asing mengikut bulan manakala **Jadual 16** adalah Pecahan Lokasi Kemasukan Kapal Penguatkuasa Asing/Kapal Perang sepanjang tahun 2024.

| STATISTIK KAPAL PENGUATKUASA ASING / KAPAL PERANG |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |           |
|---|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|-----------|
| NEGARA/ BULAN                                     | JAN      | FEB      | MAC      | APRIL    | MEI      | JUN      | JULAI    | OGOS     | SEPT     | OKT      | NOV      | DIS      | JUMLAH    |
| INDONESIA   | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1        | 1         |
| VIETNAM   | 2        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1        | 1        | -        | -        | -        | 4         |
| CHINA   | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 2        | -        | -        | -        | 2        | -        | 4         |
| AUSTRALIA   | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1         |
| JAPAN   | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| RUSIA   | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 4        | -        | -        | 4         |
| KOREA   | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| AMERIKA SYARUKAT                                  | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| FILIPINA  | -        | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1         |
| <b>JUMLAH</b>                                     | <b>2</b> | <b>1</b> | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>0</b> | <b>0</b> | <b>2</b> | <b>1</b> | <b>1</b> | <b>4</b> | <b>2</b> | <b>4</b> | <b>15</b> |

*Jadual 15: Jumlah Kapal Penguatkuasa Asing*

| STATISTIK PECAHAN LOKASI PENGESANAN KAPAL PENGUATKUASA ASING / KAPAL PERANG |              |          |          |          |           |             |             |          |            |          |          |          |           |
|---|--------------|----------|----------|----------|-----------|-------------|-------------|----------|------------|----------|----------|----------|-----------|
| NEGARA/ NEGERI  | KEDAH/PERLIS | P.PINANG | PERAK    | SELANGOR | MELAKA/N9 | JOHOR BARAT | JOHOR TIMUR | PAHANG   | TERENGGANU | KELANTAN | SARAWAK  | SABAH    | JUMLAH    |
| INDONESIA   | -            | 1        | -        | -        | -         | -           | -           | -        | -          | -        | -        | -        | 1         |
| VIETNAM   | -            | -        | -        | -        | -         | -           | -           | -        | -          | 1        | 3        | -        | 4         |
| CHINA   | -            | -        | -        | -        | -         | -           | -           | -        | -          | -        | 4        | -        | 4         |
| AUSTRALIA   | -            | 1        | -        | -        | -         | -           | -           | -        | -          | -        | -        | -        | 1         |
| JAPAN   | -            | -        | -        | -        | -         | -           | -           | -        | -          | -        | -        | -        | 0         |
| RUSIA   | -            | -        | -        | -        | 4         | -           | -           | -        | -          | -        | -        | -        | 4         |
| KOREA   | -            | -        | -        | -        | -         | -           | -           | -        | -          | -        | -        | -        | 0         |
| AMERIKA SYARUKAT  | -            | -        | -        | -        | -         | -           | -           | -        | -          | -        | -        | -        | 0         |
| FILIPINA  | -            | -        | -        | -        | -         | -           | -           | -        | -          | -        | -        | 1        | 1         |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>0</b>     | <b>2</b> | <b>0</b> | <b>0</b> | <b>4</b>  | <b>0</b>    | <b>0</b>    | <b>0</b> | <b>0</b>   | <b>1</b> | <b>6</b> | <b>1</b> | <b>15</b> |

*Jadual 16: Pecahan Lokasi Pengesanan Kapal Penguatkuasa Asing / Kapal Perang*



**Rajah 3:** Pencerobohan Vesel Penguatkuasa Asing Menangkap Bot Nelayan Tempatan Di Perairan Pulau Pinang

### OPERASI KHAS BERSAMA PASUKAN TINDAKAN KHAS (PTK)

Satu Operasi Khas bersama PTK menerusi Op Jangkar Haram telah berjaya dilaksanakan pada 25 November 2024 dimana sebuah pesawat AS365N3 bersama empat (4) Tim PTK telah melakukan *force boarding* keatas sebuah Kapal Tanker MS ENOLA disyaki melakukan kesalahan di bawah MSO 1952 di perairan Tg Sedili Besar Johor. Gambar misi pesawat sedang melaksanakan tugas adalah seperti di **Rajah 7**.

| RINGKASAN KRONOLOGI OPERASI KHAS - OP JANGKAR HARAM                             |   |
|---|---|
| TARIKH OPERASI  | : 25 NOVEMBER 2024  |
| TARGET  | : 01 X KAPAL TANKER (MT MS ENOLA)   |
| LOKASI  | : 02 12.37N 104 52.56E (47.8 BN TIMUR LAUT TG SEDILI JOHOR)   |
| PESAWAT / NAMA PANGGILAN  | : AS365N3 (M70-03) / MARITIME 440   |
| ROLES   | : FORCE BOARDING  |
| MAKLUMAT MISI   | MAKLUMAT AWAL   |
| 1540H > Pesawat berlepas dari SUMS ke LTA Senai (Refuelling)                    | Laporan awal tangkapan KM Perwira keatas Kapal Tanker MT MS Enola.<br>Kesalahan:<br>1- Dokumen insuran meragukan<br>2- Disyaki melakukan kesalahan di bawah MSO 1952 Seksyen 491B(1)(L) Berlabuh Tanpa Kebenaran Ketua Pengarah Jabatan Laut Malaysia |
| 1710H > Pesawat memasuki kawasan operasi  |   |
| 1757H > Berjaya menjumpai target dan melakukan <i>force boarding</i> (04 X PTK) |   |
| 1810H > Pesawat menuju ke LTA Senai (Refuelling)                                |   |
| 2026H > Pesawat selamat mendarat di SUMS (Tugas selesai)                        |   |

**Jadual 19:** Ringkasan Kronologi Operasi Khas - Op Jangkar Haram



*Rajah 7 : Operasi Khas - Op Jangkar Haram*

## LIPUTAN MEDIA

Selain dari tugas-tugas yang telah dinyatakan dalam laporan ini, pesawat juga terlibat dalam penerbangan yang mendapat liputan media seperti:

- Pada 14 Februari 2024, Sambutan Hari Ulang Tahun Agensi Penguatkuasaan Malaysia (APMM) ke-19, yang diadakan di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah Kuantan, Pahang;
- Terbang Lintas Sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2024 di Dataran Putrajaya; dan
- Karnival Udara Antarabangsa Melaka (KUAM) 2024 pada 3 November 2024 bertempat di Lapangan Terbang Batu Berendam Melaka, sebuah pesawat AS365N3 (Static Display) dan sebuah pesawat CL415MP (Air Display) telah terlibat.



## OPERASI BERSAMA / OPERASI BERSEPADU, SAREX DAN LATIHAN BERSAMA

Sepanjang tahun 2024, terdapat penglibatan pesawat AS365N3 dan pesawat CL415MP dalam Operasi Bersama yang dilaksanakan secara bersama dengan agensi maritim dalam negara dan Operasi Bersepadu yang dilaksanakan bersama dengan agensi maritim luar negara seperti berikut:

### OPERASI BERSAMA:

Op Naga Timur dan Op Naga Barat.

### OPERASI BERSEPADU:

OP PATKOR OPTIMA MALINDO Siri 31A/24, penugasan pesawat AS365N3 bermula pada 8 hingga 12 Jun 2024 dan OP PATKOR OPTIMA MALINDO Siri 31B/24, penugasan pesawat AS365N3 dan CL415MP bermula pada 17 hingga 24 September 2024.

### SAREX DAN LATIHAN BERSAMA:

Pesawat CL415MP dan AS365N3 juga terlibat dalam Latihan Bersama dengan TLDM menerusi Eksesais Samudera Perkasa Barat 2024 yang dilaksanakan di perairan Lumut Perak pada 27 dan 28 September 2024. Bagi pesawat AS365N3 terlibat dalam melaksanakan SAREX OMSAR pada 03 September 2024 yang dilaksanakan di perairan Terengganu. Manakala pada 26 September 2024 pesawat AS365N3 juga terlibat secara langsung dalam melaksanakan SAREX di perairan Pulau Pinang dan Perak.



**Rajah 8:** Tugas Operasi dan Latihan Bersama

## SISTEM PENGAWASAN LAUT MARITIM MALAYSIA (SWASLA)

SWASLA adalah merupakan Pusat Pengawasan Utama dalam aspek keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim negara di Selat Melaka. Pusat ini melaksanakan pengawasan dengan mengesan, menganalisis dan menyalurkan maklumat aktiviti maritim melalui sistem maklumat yang berkesan bagi kawasan perairan maritim sepanjang Selat Melaka. Ia merupakan satu rangkaian sistem yang terdiri dari Pusat Kawalan Induk (MCC) di Lumut, 3 buah Pusat Kawalan (ACC) masing-masing di Pulau Langkawi, Pelabuhan Klang dan Tanjung Piai, Pontian, Johor serta merangkumi 12 buah tapak radar (RSS).

### PENGESANAN SASARAN CURIGA

Sebanyak 443 pengesanan sasaran curiga telah direkodkan di bawah tanggungjawab pengawasan ACC Langkawi, ACC Klang, ACC Johor dan MCC Lumut. Analisa keseluruhan sasaran curiga adalah seperti jadual di bawah.

| TEMPAT        | MCC LUMUT  | ACC LANGKAWI | ACC KLANG  | ACC JOHOR | JUMLAH     |
|---------------|------------|--------------|------------|-----------|------------|
| BULAN         |            |              |            |           |            |
| (a)           | (b)        | (c)          | (d)        | (e)       | (f)        |
| Januari       | 52         | 5            | 26         | 14        | 97         |
| Februari      | 17         | 3            | 22         | 7         | 49         |
| Mac           | 20         | 2            | 14         | 1         | 37         |
| April         | 11         | 1            | 13         | 1         | 26         |
| Mei           | 20         | 1            | 14         | 1         | 36         |
| Jun           | 12         | 0            | 5          | 2         | 19         |
| Julai         | 9          | 0            | 6          | 0         | 15         |
| Ogos          | 23         | 1            | 27         | 0         | 51         |
| September     | 17         | 0            | 15         | 0         | 32         |
| Oktober       | 24         | 5            | 11         | 0         | 40         |
| November      | 13         | 0            | 4          | 2         | 19         |
| Disember      | 4          | 1            | 16         | 1         | 22         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>222</b> | <b>19</b>    | <b>173</b> | <b>29</b> | <b>443</b> |

*Jadual 1: Statistik Keseluruhan Pengesanan Sasaran Curiga Mengikut Kawasan Bagi Tahun 2024*

Statistik juga telah direkodkan mengikut pecahan Maritim Negeri berdasarkan tindakan yang diambil ke atas maklumat yang disalurkan bagi tahun 2024. Tindakan-tindakan ini dipecahkan kepada **tindakan yang diambil** dan **tiada tindakan** ke atas maklumat yang disalurkan. Pada tahun ini, sebanyak 415 maklumat sasaran curiga telah diambil tindakan daripada 443 jumlah keseluruhan pengesanan curiga yang disalurkan. Jadual 2 menunjukkan pecahan ke atas tindakan yang telah diambil terhadap sasaran curiga yang telah dilaporkan bagi tahun ini.



*Sistem Pengawasan Laut Maritim Malaysia (SWASLA) di Lumut, Perak*

| JENIS TINDAKAN      | JUMLAH     |
|---------------------|------------|
| (a)                 | (b)        |
| Pemeriksaan         | 143        |
| Tangkapan           | 21         |
| Sasaran Usir        | 16         |
| Sasaran Hilang      | 27         |
| Sasaran Patah Balik | 5          |
| Sasaran Bolos       | 203        |
| <b>JUMLAH</b>       | <b>415</b> |

*Jadual 2: Pecahan Tindakan Diambil Terhadap Sasaran Curiga Bagi Tahun 2024*

Maklumat sasaran curiga yang **diambil tindakan** adalah apabila terdapat aset bergerak ke lokasi sasaran curiga manakala **tiada tindakan** bermaksud tiada aset yang berjaya melaksanakan tindakan terhadap sasaran curiga dilokasi yang dilaporkan.

Sebanyak 143 sasaran curiga telah dilakukan pemeriksaan biasa dan dilepaskan kerana tidak melakukan sebarang kesalahan. Manakala sebanyak 28 sasaran curiga pula tiada tindakan aset di laut disebabkan oleh beberapa faktor iaitu:

- Aset gagal memintas sasaran curiga kerana sasaran berjaya meloloskan diri serta merapat ke daratan.
- Sasaran curiga berpatah balik ke perairan negara jiran setelah menyedari bot suspek telah dikejar oleh aset APMM.
- Kehadiran T (sapu air) di laut yang memberi maklumat kehadiran dan pergerakan aset di laut.
- Kekangan keupayaan aset bagi memintas sasaran curiga yang mempunyai kelajuan yang lebih tinggi.
- Aset yang masih dalam pembaikan atau terhad untuk beroperasi.



## PENGESANAN SASARAN CURIGA DIKENALPASTI MENGIKUT JENIS SASARAN

| JENIS SASARAN CURIGA MCC & ACC BAGI BULAN JAN-DIS 2024 |                            |           |           |           |           |           |           |           |           |           |           |           |           |            |
|--|----------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|
| NO.  | JENIS SASARAN              | JAN       | FEB       | MAC       | APR       | MEI       | JUN       | JUL       | OGO       | SEPT      | OKT       | NOV       | DIS       | JUMLAH     |
| 1  | KAPAL TANKER (MT)          | 9         | 1         | 0         | 2         | 1         | 0         | 1         | 1         | 1         | 0         | 3         | 1         | 20         |
| 2  | KAPAL KARGO (MV)           | 9         | 2         | 3         | 6         | 2         | 1         | 0         | 3         | 2         | 3         | 1         | 3         | 35         |
| 3  | KAPAL PESIARAN             | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 4  | KAPAL LAYAR                | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 5  | KAPAL KOREK                | 0         | 0         | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 2          |
| 6  | KAPAL PERANG               | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 7  | KAPAL SURVEY               | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 8  | FERI                       | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 9  | BOT TUNDA / BARGE          | 2         | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 3          |
| 10   | BOT FIBRE                  | 0         | 0         | 1         | 0         | 0         | 5         | 2         | 0         | 2         | 0         | 0         | 0         | 10         |
| 11   | BOT BATER TRADE            | 1         | 1         | 0         | 0         | 3         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 5          |
| 12   | BOT NELAYAN TEMPATAN (BNT) | 65        | 19        | 10        | 5         | 9         | 5         | 0         | 6         | 4         | 14        | 6         | 4         | 147        |
| 13   | BOT NELAYAN ASING (BNA)    | 2         | 0         | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 1         | 4         | 0         | 0         | 8          |
| 14   | BOT PENUMPANG              | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 15   | BOT PANCING                | 1         | 0         | 0         | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 2          |
| 16   | BOT TRADISIONAL            | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 1          |
| 17   | BOT LAJU                   | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 18   | BOT PANCUNG                | 1         | 3         | 2         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 6          |
| 19   | BOT POM-POM                | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 1          |
| 20   | BOT LIMA SORE              | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 21   | BOT CATAMARAN              | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 22   | BOT TEKSI AIR              | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 23   | BOT PENGUASA LUAR NEGARA   | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 1          |
| 24   | BOT PENGUASA DALAM NEGARA  | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| 25   | LAIN-LAIN                  | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 1         | 2          |
| 26   | TIDAK KENAL PASTI          | 6         | 19        | 21        | 11        | 20        | 8         | 12        | 41        | 21        | 19        | 9         | 13        | 200        |
| <b>JUMLAH KESELURUHAN</b>                              |                            | <b>97</b> | <b>49</b> | <b>37</b> | <b>26</b> | <b>36</b> | <b>19</b> | <b>15</b> | <b>51</b> | <b>32</b> | <b>40</b> | <b>19</b> | <b>22</b> | <b>443</b> |

**Jadual 3:** Statistik Keseluruhan Pengesanan Sasaran Curiga Mengikut Jenis Sasaran Bagi Tahun 2024

Rujuk Jadual 3, berdasarkan pemerhatian yang dibuat dari bulan Januari hingga Disember 2024, sebanyak 443 sasaran curiga telah diklasifikasikan. Pemerhatian ini dibuat berdasarkan catatan yang direkodkan daripada kaedah pengesanan melalui kamera RSS, penglibatan aset APMM dan menggunakan sistem VTS.

Berdasarkan data dan maklumat yang diterima dan disalurkan, sasaran curiga yang tidak dikenalpasti kerap dilaporkan dan mencatatkan sebanyak 200 pengesanan. MN Selangor telah mencatatkan sebanyak 101 pengesanan yang tidak dikenalpasti yang dipercayai bot penyeludup.




**Boya Sepat (Api Gila)** adalah merupakan transit atau panduan bagi bot-bot penyeludup negara jiran untuk memasuki ke negara ini. Pemerhatian yang lebih perlu ditingkatkan di kawasan tersebut kerana daripada Boya Sepat itulah laluan utama ke lokasi pendaratan seperti di Tg. Gabang, Tg. Sepat, Kuala Sg. Sepang dan Tg. Tumbuk. Di posisi tersebut juga disyaki berlakunya pemindahan barangan terlarang menggunakan bot-bot tempatan untuk dibawa masuk ke negara ini. Kapal-kapal atau bot-bot yang beroperasi perlu memberi lebih perhatian di kawasan tersebut.


## TABURAN PENGESANAN DAN LALUAN MASUK SASARAN CURIGA

Sepanjang pemerhatian yang dilakukan dan berdasarkan taburan pengesanan sasaran curiga, ianya banyak dikesan di kawasan Tanjung Gabang hingga Tanjung Sepat, Lukut hingga Linggi, Teluk Ramunia sehingga Teluk Penawar. Kebanyakan sasaran curiga dikesan pada sebelah malam. Kekerapan maklumat awal yang disalurkan adalah sasaran dari jenis Bot Laju atau Bot Pancung yang bergerak dari perairan Indonesia melintasi pertengahan 'Traffic Separation Scheme' (TSS) menuju ke perairan negara. Modus operandi Bot Laju dan Bot Pancung pada ketika ini adalah dengan menyasarkan beberapa lokasi yang berbeza dan jumlah muatan adalah secara 'runcit' bagi mengelak dihidu oleh pihak berkuasa.


Kebanyakan sasaran curiga yang dikesan di sekitar perairan Sekinchan hingga Kuala Selangor dan Pulau Carey hingga Morib adalah dari jenis Vesel Nelayan Tempatan (VNT) Kelas 'A' dan Bot Pancung. Modus operandi VNT dan Bot Pancung pada ketika ini adalah dengan mengaburi serta membayangi pergerakan dengan kelajuan perlahan serta kemasukan dilakukan sewaktu awal pagi dan lewat petang atau waktu diantara pertukaran siang dan malam. Waktu sebegini menjadi pilihan untuk menjalankan aktiviti haram berikutan aset atau anggota bertugas sedang sibuk melakukan serah terima pertukaran waktu bertugas (*handing over duty*).



*Laluan Masuk Sasaran Curiga Kawasan Utara Langkawi*




Laluan Masuk Sasaran Curiga Kawasan Melaka




Laluan Masuk Sasaran Curiga Kawasan Klang UTARA




Laluan Masuk Sasaran Curiga Kawasan Klang SELATAN



Laluan Masuk Sasaran Curiga Kawasan Linggi & Batu Pahat



*Laluan Masuk Sasaran Curiga Kawasan Johor Barat*



*Laluan Masuk Sasaran Curiga Kawasan Johor Timur*

Kehadiran aset ronda dilihat amat signifikan dalam mengekang dan menghalang pencerobohan Vesel Nelayan Asing (VNA) yang sering dikesan terutamanya di sebelah Selatan dan Barat Pulau Perak serta Utara dan Selatan Pulau Jarak. Disarankan aset APMM melaksanakan pemeriksaan secara menyeluruh ke atas semua VNA dan VNT yang berada di kawasan tersebut.

Modus Operandi (MO) aktiviti penyeludupan sering berubah-ubah bagi mengaburi APMM. Penggunaan kapal kargo, bot *barter trade* dan bot fiber sebagai medium utama pengangkutan untuk membawa barang terlarang. Aktiviti penyeludupan juga menggunakan bot penyamaran atau TONTO yang bertindak sebagai pemerhati dengan meninjau laluan yang selamat dari kawalan pihak berkuasa. Pergerakan bot-bot ini juga menjadi petunjuk kemasukan bot penyeludup.

Kes kemasukan PATI, kini lebih tertumpu di perairan Selatan iaitu sekitar Tg Karang, Jeram, Kapar, Sementa dan Morib. Lokasi pendaratan di kawasan ini agak terpencil dan sunyi dari kawasan penempatan penduduk setempat namun berhampiran dengan jaringan jalan utama. Selain itu juga kawasan ini dilihat agak sesuai bagi aktiviti pendaratan berikutan pantai yang landai serta bacaan air pasang membantu bot untuk rapat. Kehadiran aset APMM di sekitar lokasi titik pendaratan akan menjadi elemen cegah rintang dari berlakunya aktiviti ini terus berleluasa.

Bot penyeludup dari Indonesia (Tg Balai dan Bagan Siapiapi) dipercayai menggunakan bot pom-pom (saiz Bot Kelas A) yang mana kapasiti mereka boleh memuatkan sehingga 50 orang. Bot ini digunakan berikutan faktor jarak yang agak jauh dan memerlukan keupayaan enjin *endurance* yang agak lama iaitu dianggarkan 10 jam yang mana tidak sesuai bagi bot laju. Pilihan kawasan pendaratan dengan menggunakan lampu beacon di Pulau Angsa sebagai petunjuk sebelum memasuki kawasan hotspot terutamanya di utara negeri Selangor.

Pergerakan bot laju kerap juga dikesan di kawasan perairan Selatan Selangor iaitu di Perairan Tanjung Gabang dan Tanjung Sepat. Manakala bagi Kawasan Timur Johor kerap dikesan di Perairan Teluk Ramunia hingga Tanjung Punggai. Kebanyakannya dikesan ketika air laut sedang pasang dan ketika air laut sedang surut. Pencerobohan masuk Bot Pancung atau bot laju dari perairan Indonesia ini dipercayai membawa masuk/keluar PATI secara haram. Bot Laju yang digunapakai oleh penyeludup ini menggunakan enjin yang berkuasa tinggi. Faktor kelajuan bot adalah merupakan elemen utama yang sering gagal dilakukan pintasan oleh aset dilapangan yang pengoperasiannya adalah terhad. Jadual 4 di bawah menunjukkan statistik pengesanan sasaran curiga mengikut kejadian siang dan malam serta kekerapan kejadian berlaku.

| NO.                | SEKTOR OPS | MARITIM NEGERI    | SASARAN CURIGA | KEJADIAN |       |
|--------------------|------------|-------------------|----------------|----------|-------|
|                    |            |                   |                | SIANG    | MALAM |
| (a)                | (b)        | (c)               | (d)            | (e)      | (f)   |
| 1                  | 1          | MN KEDAH / PERLIS |                | 11       | 3     |
| 2                  | 2          | MN PULAU PINANG   |                | 1        | 1     |
| 3                  | 3          | MN KEDAH / PERLIS |                | 3        | 0     |
| 4                  | 4          | MN PERAK          |                | 30       | 7     |
| 5                  | 5          | MN SELANGOR       |                | 28       | 145   |
| 6                  | 6          | MN MELAKA/N9      |                | 11       | 13    |
| 7                  | 7          | MN JOHOR / ZM BP  |                | 58       | 102   |
| 8                  | 7          | MN JOHOR          |                | 10       | 12    |
| 9                  | 8          | MN JOHOR / ZM TS  |                | 3        | 4     |
| JUMLAH             |            |                   |                | 155      | 287   |
| JUMLAH KESELURUHAN |            |                   |                |          |       |

Jadual 4: Statistik Pengesanan Sasaran Curiga Mengikut Kejadian Siang Dan Malam Bagi Tahun 2024



## PENGAWASAN KAPAL TANGKI, KAPAL TAHANAN DAN KAWASAN BERSAUH

Pemantauan kapal tangki secara berterusan telah dilakukan bertujuan untuk membendung dan membuat tindakan pantas sekiranya terdapat pengesanan pergerakan yang curiga menghampiri kapal atau sasaran yang tidak dikenalpasti. Pemantauan secara rapi dilakukan terutamanya bagi kapal-kapal tangki yang bergerak keluar dari Perairan Singapura menuju ke Utara Selat Melaka dan Laut China Selatan. Selain itu, pemantauan ke atas kapal-kapal yang bersauh di perairan Pengerang juga terus dilakukan bagi membendung kejadian rompakan di laut. Disamping itu, pemantauan ke atas kapal tahanan yang bersauh juga dilakukan bagi mengelakkan aktiviti yang boleh menjejaskan siasatan kes.

Selain itu, pihak SWASLA juga melakukan pemantauan terhadap beberapa buah kapal yang disyaki membawa barang terlarang. MO kapal-kapal ini adalah membawa keluar barang dari Pelabuhan Jurong, Singapura untuk dihantar ke Myanmar. Namun muatan barang yang dibawa akan di turunkan secara haram untuk pasaran tempatan sewaktu dalam pelayaran menuju ke utara Malaysia. Kapal-kapal tersebut dilihat aktif dan kerap melalui Perairan Selat Melaka serta akan mematikan transponder sistem AIS apabila melalui kawasan tertentu.

## PENGESANAN KAPAL PERANG ASING DAN PENGUATKUASA ASING

Sepanjang tempoh laporan sebanyak 110 pengesanan kapal perang asing telah direkodkan. Ia dikesan dari perairan Utara Selat Melaka, dan Selat Singapura. Kebanyakan kapal perang asing dikesan oleh Sistem Radar *One Fathom Bank* (OFB), RSS Bukit Pengerang, RSS Tanjung Piai dan Sistem VTS Jabatan Laut .

## PENGAWASAN KAPAL / VESEL NELAYAN TEMPATAN

Sepanjang tempoh pemantauan oleh operator bertugas mendapati *Trend* pergerakan bot nelayan yang bersaiz besar adalah lebih tertumpu di sekitar perairan Utara Selat Melaka seperti di perairan Pulau Jarak dan Pulau Perak. Aktiviti perikanan tersebut dilakukan secara berkelompok. VNT yang bersaiz besar ini juga menjalankan aktiviti perikanan di sekitar perairan sempadan pertindihan negara (*Unresolved Maritime Boundary*). Manakala ,situasi berbeza telah dikesan di Selatan Selat Melaka. Ini adalah berikutan kawasan perairan tersebut lebih tertumpu untuk VNT yg bersaiz lebih kecil atau lebih dikenali sebagai bot nelayan pantai.

Selain itu, hasil pemantauan juga mendapati masih ada VNT yang tidak hirau dan berdegil dengan melakukan aktiviti perikanan di dalam perairan Indonesia serta tidak mengaktifkan *Trasponder* AIS. Justeru, satu mekanisma baharu yang lebih ampuh perlu dilakukan pihak berwajib bagi mendidik semua pengusaha dan pengendali VNT untuk lebih peka dalam aspek perundangan bagi menjamin keharmonian dan keselamatan VNT.



## BAHAGIAN PERISIKAN @ *MARITIME INTELLIGENCE DIVISION (MIND)*

Pada tahun 2024, sebanyak 191 tangkapan telah berjaya dilaksanakan hasil daripada maklumat perisikan di mana ianya mewakili 14.7% daripada tangkapan keseluruhan APMM dengan jumlah nilai keseluruhan mencecah RM47 juta. Berdasarkan statistik, ia telah menunjukkan peningkatan tangkapan berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak 181 tangkapan.

Selain itu, tahun 2024 juga memberi impak yang baik kepada MIND dalam usaha membanteras penyeludupan dadah di mana sebanyak 80 kilogram dadah jenis methamphetamine berjaya dirampas. Tangkapan dari MN Selangor hasil dari maklumat perisikan pada 30 Januari 2024 38 bungkusan (40.37kg) hablur mampat teh cina berjenama 'guangyinwang' disyaki syabu bernilai RM2.02 juta telah dirampas di Bagan Sekinchan, Selangor

### KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA AGENSI SAHABAT

Bahagian Perisikan sentiasa memperkukuh dan meningkatkan jaringan kerjasama dalam perkongsian maklumat, operasi inter-agensi dan aspek latihan melalui instrumen kunjungan hormat, perjumpaan berkala serta program/aktiviti interaksi bersama agensi perisikan dari dalam dan luar negara seperti:

#### Dalam Negara:

- Bahagian Penyelidikan Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- Bahagian Operasi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Bahagian Maritim Majlis Keselamatan Negara (MKN)
- Bahagian Perisikan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
- Cawangan Risikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)
- Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Malaysian Defence Intelligence Organisation (MDIO)
- Bahagian Perisikan Laut TLDM (RISLA)

#### Luar Negara:

- *Transnational Organized Crime Strike Force (TOCSF) Japan Coast Guard*
- *Australian Secret Intelligence Service (ASIS)*
- Intelijen Badan Keamanan Laut Republik Indonesia (BAKAMLA)
- ASINTEL KASAL Tentara Negara Indonesia (TNI)
- *Philippine Coast Guard Intelligence Branch (CG2)*
- *Thailand Maritime Enforcement Coordinating Center (THAI-MECC)*
- *Office of Narcotics Control Board, Thailand (ONCB)*
- *Maritime Security Command (MARSEC Command), Singapore.*

Meningkatkan kerjasama perkongsian maklumat dan perbincangan berkaitan isu geopolitik serantau bersama counterparts dari dalam dan luar negara seperti US Embassy, ASIS, RISLA dan Bahagian Penyelidikan JPM bagi pemantapan analisis berkaitan isu serantau yang memfokuskan kepada traditional dan non-traditional threats.



**Gambar :** Kunjungan Hormat Oleh AKS RISLA Ke Atas Pengarah MIND Pada September 2024

## GERAK SARAF (PROGRAM SAHABAT MARITIM)

Program Sahabat Maritim (PSM) merupakan salah satu elemen operasi gerak saraf Agensi yang memberi impak positif untuk mendekati komuniti maritim dalam memenuhi aspirasi Kerajaan dan rakyat serta berlandaskan semangat 'Malaysia Madani'. Program ini telah dilaksanakan sejak Julai 2007 yang mana pada masa itu dikenali sebagai Program Jiwa Murni sebelum diberi nafas baharu dan ditukarkan kepada Program Sahabat Maritim sehingga kini. Program ini adalah bertujuan untuk memenangi hati dan minda komuniti maritim yang terdiri daripada nelayan, pengusaha-pengusaha perkapalan, pemain-pemain industri maritim dan pihak berkepentingan (stakeholders). Selain itu, program ini juga bertujuan untuk menerangkan serta memastikan komuniti maritim faham akan fungsi dan peranan APMM sebagai Agensi penguatkuasaan tunggal dalam menjaga keselamatan nyawa dan harta benda di perairan Malaysia. PSM juga melibatkan kerjasama dan penglibatan daripada pelbagai agensi kerajaan, bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta seperti pihak PETRONAS, HESS, Hibiscus Petroleum, Velesto Energy, *Australian Border Force* (ABF) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

PSM yang merangkumi 3 program utama iaitu Mesyuarat Berkala, Program Interaksi Maritim dan Kempen Kesedaran dan Keselamatan Maritim. Mesyuarat berkala adalah program perjumpaan yang membincangkan pelbagai isu dalam konteks komuniti maritim di Kampung Angkat Maritim (KAM). Bagi Program Interaksi Maritim, program ini meliputi 3 komponen iaitu sesi dialog/perjumpaan bersama persatuan nelayan, perjumpaan bersama komuniti maritim setempat atau dikenali sebagai Program Sembang Teh Tarik dan penganjuran program bersama organisasi luar atau dikenali sebagai *community engagement*. Kempen Kesedaran dan Keselamatan Maritim adalah program yang memberi pendedahan dan kesedaran berbentuk dalam pelbagai aktiviti seperti ceramah 'Preventive Search and Rescue (SAR)', gotong-royong di persekitaran pantai atau laut dan edaran brosur atau poster kesedaran keselamatan.

Di samping itu, APMM turut aktif terlibat dalam program sukarelawan seperti Program *International Climate Change Action @ Tioman 2024 (ICCA@Tioman 2024)* yang telah diadakan pada 25-28 Sep 2024. Program ini bertujuan untuk menjalankan pemindahan ilmu perubahan iklim yang sangat mendesak pada masa sekarang kepada komuniti dan pelajar di Pulau Tioman. Program ini melibatkan persetujuan APMM sebagai rakan strategik dalam pelbagai aktiviti seperti pembersihan pantai, pembersihan *Crown of Thorn Starfish* (COTS), forum kerjaya *STEM*, pameran maritim dan

majlis penutup. Aktiviti dilakukan disekitar Pulau Tioman dan SMK Tekek yang melibatkan penyertaan peserta dianggarkan seramai 200 orang yang terdiri daripada pelbagai agensi dan komuniti dari dalam dan luar negara.

Sebanyak 48 PSM telah berjaya dilaksanakan dengan cemerlang di seluruh negara bagi tahun 2024. Program ini dapat mengeratkan hubungan dan kerjasama antara Agensi dengan komuniti maritim disamping agensi sahabat seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Imigresen serta pelbagai lagi agensi dalam dan luar negara.



**Gambar 1:** Program Sahabat MARITIM Tahun 2024 MARITIM Negeri Sabah Di Kampung Serusup Tuaran, Sabah.



**Gambar 2:** Program Sahabat MARITIM Dan Hari Kesedaran Keselamatan Maritim Bersama Komuniti Nelayan Daerah Kerian Tahun 2024.



**Gambar 3:** Program Sahabat MARITIM Bersama Komuniti Bot Pelancong Setiu.



**Gambar 4:** Program International Climate Change Action @ Tioman 2024 ( Icca@Tioman 2024) Di Pulau Tioman.

## PROGRAM DAN KURSUS/LATIHAN

MIND telah berjaya menganjurkan dan menyertai beberapa kursus yang melibatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan dari dalam dan luar negara bagi tahun 2024. Antara kursus yang dijalankan adalah seperti kursus dengan kerjasama Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang dianjurkan pada 19 hingga 24 Jun hingga 28 Jun 2024 bertempat di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Kuantan. Kursus ini melibatkan tenaga pengajar yang pakar dalam menjalankan operasi dan risikan terhadap sesuatu kes dalam bidang penguatkuasaan. Selain daripada pertukaran ilmu pengetahuan dalam bidang perisikan, melalui kursus ini jua, MIND telah mewujudkan *platform networking* bersama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi mendokong TERAS kerajaan dalam menghapuskan rasuah di Malaysia ini.



**Gambar :** Kursus Asas Perisikan 2024 Dengan Kerjasama MACA

Selain daripada itu, MIND juga julung kali telah mengadakan Kursus Analisis dengan kerjasama Bahagian Penyelidikan (RD) dari Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang telah diadakan pada 22 hingga 25 April 2024 juga bertempat di AMSAS. Kursus ini melibatkan pegawai dan anggota dari semenanjung, Sabah dan Sarawak. Peserta kursus didedahkan dengan mempelajari cara-cara untuk mengumpul dan menganalisis data daripada pelbagai sumber dan akhirnya dapat menghasilkan rumusan yang terbaik. Hal ini adalah amat penting dalam memastikan MIND-Operative dapat menghasilkan *Intelligence Product* yang *reliable* bagi tujuan mengekang ancaman samada berbentuk *traditional and non-traditional threats*.



**Gambar :** Kursus Analisis 2024 Dengan Kerjasama Bahagian Penyelidikan Dari Jabatan Perdana Menteri

MIND juga telah berjaya menganjurkan kursus bersama dengan rakan luar negara iaitu dengan melaksanakan Capacity Building Program dengan kerjasama Australian High Commission dan Kedutaan Amerika Syarikat dari Kuala Lumpur. Kursus – kursus ini melibatkan beberapa siri yang diadakan di beberapa tempat termasuk di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan juga Sarawak. Sepanjang kursus ini, peserta didedahkan dengan teori dan amali dalam merekrut pemberi maklumat yang lebih berkesan dan efektif dalam menyalurkan maklumat yang konsisten hingga berjaya menghasilkan tangkapan. Di dalam kursus ini juga, peserta kursus diberikan tunjuk ajar dalam menggunakan teknologi perisikan yang terkini seperti penggunaan *drone* untuk kerja-kerja pemantauan. Selain daripada itu, peserta juga didedahkan dengan penggunaan beberapa *intelligence tools* bagi tujuan *vessel of interest detection and monitoring*.

# 3

## PENGURUSAN CARILAMAT



## BAHAGIAN CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA

Setelah hampir 20 tahun penubuhan Maritim Malaysia, pelbagai kejayaan telah dikecapi khususnya dalam bidang CARILAMAT. Pada masa kini, Maritim Malaysia telah berjaya membuktikan kemampuan agensi dan diiktiraf sebagai agensi peneraju CARILAMAT maritim bukan sahaja dalam negara bahkan di peringkat antarabangsa. Justeru, Maritim Malaysia giat dalam usaha memperkasakan bidang CARILAMAT supaya kekal relevan dan diiktiraf sebagai peneraju CARILAMAT Maritim di Malaysia. Selain itu, APMM harus lebih agresif dalam memberikan kesedaran kepada komuniti maritim bagi mengurangkan insiden kehilangan nyawa dan harta benda di laut.

## STATISTIK INSIDEN KECEMASAN DI LAUT

Operasi CARILAMAT dikoordinasikan Maritim Malaysia dikategorikan kepada insiden yang melibatkan Kapal dan Bot, Insiden melibatkan kehilangan manusia di laut, MEDICO, MEDEVAC, bantuan aset dan bantuan SRU kepada agensi lain. Maritim Malaysia juga telah terlibat dengan bantuan bencana seperti insiden tumpahan minyak di laut, kebakaran hutan dan bencana banjir. Pada tahun 2024, Maritim Malaysia telah mengkoordinasikan sebanyak 226 operasi CARILAMAT berbanding 257 insiden pada tahun 2023. Terdapat penurunan jumlah insiden sebanyak 6.3% berbanding tahun 2023 seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 1**. APMM telah mengkoordinasikan sebanyak 3285 operasi CARILAMAT sejak 2006. Statistik yang dipaparkan merupakan statistik operasi CARILAMAT bagi 6 tahun yang terkini bermula tahun 2019 hingga tahun 2024. Insiden melibatkan manusia di laut merupakan kategori paling tinggi pada tahun 2023 iaitu sebanyak 74 insiden. Insiden melibatkan manusia di laut merupakan insiden seperti orang jatuh laut, lemas, bunuh diri, hilang, terjun laut, penemuan mayat, dan terdampar. Bulan Julai menunjukkan jumlah operasi paling tinggi iaitu sebanyak 29 insiden diikuti bulan Ogos sebanyak 25 insiden. Peningkatan jumlah operasi pada bulan Julai adalah dari kategori insiden melibatkan manusia sebanyak 10 insiden dan hal ini disebabkan oleh orang jatuh laut, lemas, bunuh diri, hilang, terjun laut, dan terdampar. **Jadual 2** menunjukkan jumlah operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan pada tahun 2024 mengikut bulan.

| INSIDEN                          | 2019       | 2020       | 2021       | 2022       | 2023       | 2024       | JUMLAH      |
|----------------------------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|-------------|
| Insiden melibatkan Kapal dan Bot | 60         | 48         | 46         | 85         | 66         | 66         | 371         |
| Insiden melibatkan manusia       | 68         | 64         | 56         | 71         | 74         | 57         | 390         |
| MEDICO                           | 3          | 3          | 4          | 1          | 3          | 1          | 15          |
| MEDEVAC                          | 19         | 21         | 26         | 14         | 21         | 20         | 121         |
| Bantuan SRU                      | 125        | 97         | 110        | 80         | 68         | 37         | 517         |
| Bantuan SRU kepada agensi lain   | 0          | 7          | 18         | 19         | 21         | 37         | 102         |
| Bantuan bencana                  | 0          | 0          | 3          | 2          | 4          | 8          | 17          |
| <b>JUMLAH</b>                    | <b>275</b> | <b>240</b> | <b>263</b> | <b>272</b> | <b>257</b> | <b>226</b> | <b>1533</b> |

*Jadual 1 – Jumlah operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan dari tahun 2019 hingga 2024*



| Insiden                          | JAN       | FEB       | MAC       | APR       | MEI       | JUN       | JUL       | OGO       | SEP       | OKT       | NOV       | DIS       | JUMLAH     |
|----------------------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|
| Insiden melibatkan Kapal dan Bot | 3         | 7         | 7         | 2         | 4         | 3         | 8         | 9         | 8         | 4         | 5         | 6         | 66         |
| Insiden melibatkan manusia       | 3         | 2         | 3         | 4         | 2         | 7         | 10        | 3         | 5         | 6         | 6         | 6         | 57         |
| MEDICO                           | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 1          |
| MEDEVAC                          | 2         | 1         | 4         | 2         | 1         | 1         | 0         | 1         | 2         | 4         | 1         | 1         | 20         |
| Bantuan SRU                      | 3         | 1         | 3         | 3         | 3         | 4         | 3         | 5         | 2         | 3         | 2         | 5         | 37         |
| Bantuan SRU kepada agensi lain   | 2         | 1         | 3         | 0         | 2         | 6         | 6         | 5         | 4         | 2         | 2         | 4         | 37         |
| Bantuan bencana                  | 0         | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 1         | 2         | 0         | 2         | 0         | 2         | 8          |
| <b>JUMLAH</b>                    | <b>13</b> | <b>12</b> | <b>21</b> | <b>11</b> | <b>12</b> | <b>21</b> | <b>29</b> | <b>25</b> | <b>21</b> | <b>21</b> | <b>16</b> | <b>24</b> | <b>226</b> |

*Jadual 2 – Jumlah operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan pada tahun 2024*

**Pecahan operasi CARILAMAT mengikut MRSC dan Maritim Negeri.** Daripada 226 operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan, MRSC Johor Bahru merekodkan jumlah operasi CARILAMAT paling tinggi iaitu sebanyak 78 insiden diikuti MRSC Johor Bahru iaitu sebanyak 71 insiden. Berdasarkan rekod, negeri yang paling tinggi mengkoordinasikan operasi CARILAMAT adalah Negeri Johor iaitu sebanyak 52 insiden. Daripada 52 insiden tersebut, 15 insiden adalah dari kategori insiden melibatkan kapal dan bot. Antara insiden kecemasan yang dilaporkan adalah MEDEVAC dan orang jatuh laut masing-masing merekodkan 4 dan 13 insiden. Berdasarkan pemerhatian ke atas laporan insiden ini, kejadian orang jatuh laut ini berpunca dari sikap individu sendiri yang tidak menjaga keselamatan diri ketika bekerja di laut dan tidak memakai jaket keselamatan. Pecahan operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan mengikut MRSC dan Maritim Negeri adalah seperti di **Jadual 3**.





| MRSC          | MN                 | Insiden Kapal dan Bot | Insiden melibatkan manusia | MEDICO   | MEDEVAC   | Bantuan SRU | Bantuan SRU kepada Agensi Lain | Bantuan Bencana | Jumlah     | Jumlah Insiden Keluruhan |
|---------------|--------------------|-----------------------|----------------------------|----------|-----------|-------------|--------------------------------|-----------------|------------|--------------------------|
| Langkawi      | Kedah/Perlis       | 12                    | 5                          | 0        | 1         | 6           | 1                              | 0               | 25         | 69                       |
|               | P. Pinang          | 6                     | 15                         | 0        | 3         | 5           | 1                              | 0               | 30         |                          |
|               | Perak              | 5                     | 4                          | 0        | 1         | 4           | 0                              | 0               | 14         |                          |
| Johor Bahru   | Selangor           | 4                     | 4                          | 0        | 4         | 0           | 1                              | 0               | 13         | 71                       |
|               | Melaka/N. Sembilan | 0                     | 2                          | 0        | 2         | 2           | 0                              | 0               | 6          |                          |
|               | Johor              | 15                    | 13                         | 1        | 4         | 8           | 6                              | 5               | 52         |                          |
| Kuantan       | Pahang             | 5                     | 2                          | 0        | 2         | 1           | 8                              | 0               | 18         | 40                       |
|               | Terengganu         | 5                     | 2                          | 0        | 0         | 2           | 3                              | 1               | 13         |                          |
|               | Kelantan           | 3                     | 2                          | 0        | 0         | 2           | 1                              | 1               | 9          |                          |
| Kuching       | Sarawak            | 8                     | 3                          | 0        | 3         | 6           | 2                              | 1               | 23         | 23                       |
| Kota Kinabalu | Sabah              | 3                     | 5                          | 0        | 0         | 1           | 14                             | 0               | 23         | 23                       |
| <b>JUMLAH</b> |                    | <b>66</b>             | <b>57</b>                  | <b>1</b> | <b>20</b> | <b>37</b>   | <b>37</b>                      | <b>8</b>        | <b>226</b> | <b>226</b>               |

**Jadual 3:** Jumlah operasi CARILAMAT yang dikoordinasikan mengikut MRSC dan Maritim Negeri pada tahun 2024

**Insiden melibatkan kapal dan bot.** **Jadual 4** menunjukkan operasi CARILAMAT ke atas insiden melibatkan kapal dan bot yang dikoordinasikan pada tahun 2024 merekodkan sebanyak 95 insiden. Insiden paling tinggi adalah kejadian kapal dan bot karam iaitu sebanyak 26 insiden dan diikuti pula insiden kapal dan bot mengalami kerosakan iaitu sebanyak 25 insiden. Insiden melibatkan kapal dan bot paling tinggi adalah pada bulan Mac, Julai dan Disember iaitu melibatkan masing-masing sebanyak 11 insiden. Kecuaian individu, operator dan pemilik kapal yang gagal memeriksa keadaan kapal dan bot sebelum keluar ke laut merupakan faktor utama yang menyumbang kepada insiden kapal dan bot rosak.






| Insiden       | JAN      | FEB      | MAC       | APR      | MEI      | JUN      | JUL       | OGOS      | SEP       | OKT      | NOV      | DIS       | JUMLAH    |
|---------------|----------|----------|-----------|----------|----------|----------|-----------|-----------|-----------|----------|----------|-----------|-----------|
| Karam         | 1        | 2        | 4         |          | 3        | 2        | 4         | 2         | 4         | 1        | 2        | 1         | 26        |
| Terbalik      |          |          |           |          |          | 1        |           | 1         |           |          | 2        |           | 4         |
| Rosak         | 1        | 1        | 2         | 3        | 2        | 3        | 3         | 1         | 2         | 1        | 1        | 5         | 25        |
| Hilang        | 1        | 2        | 2         |          | 1        |          | 1         | 3         | 1         | 3        | 2        | 3         | 19        |
| Pelanggaran   |          |          |           | 1        |          |          | 1         | 1         |           | 1        |          |           | 4         |
| Kekandasan    |          |          | 1         |          |          |          |           | 1         | 1         |          |          | 1         | 4         |
| Kebocoran     | 1        | 2        | 2         |          |          |          | 2         |           | 1         |          |          |           | 8         |
| Terbakar      |          | 1        |           | 1        |          |          |           | 1         | 1         |          |          | 1         | 5         |
| Hanyut        |          |          |           |          |          |          |           |           |           |          |          |           | 0         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>4</b> | <b>8</b> | <b>11</b> | <b>5</b> | <b>6</b> | <b>6</b> | <b>11</b> | <b>10</b> | <b>10</b> | <b>6</b> | <b>7</b> | <b>11</b> | <b>95</b> |

Jadual 4 – Jumlah operasi CARILAMAT insiden melibatkan kapal dan bot tahun 2024

**Insiden melibatkan manusia.** Sepanjang tahun 2024, terdapat 124 operasi CARILAMAT telah dilaksanakan ke atas insiden melibatkan manusia. Insiden MEDIVAC merekodkan sebanyak 25 insiden dan orang jatuh laut merekodkan sebanyak 29 insiden yang merupakan antara kategori paling tinggi. Kebanyakan insiden dalam kategori ini adalah melibatkan insiden bantuan membawa keluar pesakit dari pulau ke Hospital terhampir samada melauai jalan laut atau udara. Selain itu, faktor lain yang dikenal pasti menjadi penyumbang kepada statistik ini adalah nelayan atau pemancing yang tergelincir jatuh ke laut ketika sedang menarik atau menaikkan pukat. Kebanyakan nelayan ini juga tidak memakai jaket keselamatan menyebabkan mereka tidak dapat terapung dan dibantu oleh rakan-rakan lain. Keadaan cuaca yang tidak menentu dan laut yang bergelora juga menjadi salah satu faktor berlakunya insiden jatuh laut. Pecahan operasi CARILAMAT bagi insiden kehilangan manusia di laut ditunjukkan di **Jadual 5**.





| INSIDEN              | JAN      | FEB      | MAC       | APR      | MEI      | JUN       | JUL       | OGOS      | SEP       | OKT       | NOV      | DIS       | JUMLAH     |
|----------------------|----------|----------|-----------|----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|----------|-----------|------------|
| Jatuh laut           |          | 1        | 2         | 1        | 1        | 3         | 5         | 1         | 3         | 3         | 2        | 3         | 25         |
| Lemas                |          | 1        |           |          |          | 1         | 2         | 1         |           | 1         | 1        | 2         | 9          |
| Bunuh diri           | 2        |          |           | 2        | 1        | 2         | 1         |           |           | 3         | 1        |           | 12         |
| Hilang di laut       |          |          | 1         | 1        | 1        | 2         | 1         | 1         | 1         |           | 1        |           | 9          |
| Terjun laut          | 1        |          |           |          |          |           | 1         |           |           |           | 1        | 1         | 4          |
| Penemuan mayat       | 1        |          | 1         |          | 1        |           | 1         | 4         |           | 1         | 1        |           | 10         |
| Mayat tidak dijumpai | 1        |          |           |          |          | 1         |           |           |           | 1         |          |           | 3          |
| Terkandas            |          |          |           |          |          |           |           | 1         | 1         |           |          |           | 2          |
| MEDEVAC              | 2        | 1        | 4         | 2        | 1        | 1         |           | 1         | 2         | 4         | 1        | 1         | 20         |
| MEDEVAC 1            | 2        | 1        | 2         |          | 1        | 5         | 5         | 4         | 4         |           | 1        | 4         | 29         |
| MEDICO               |          |          |           |          |          |           | 1         |           |           |           |          |           | 1          |
| <b>JUMLAH</b>        | <b>9</b> | <b>4</b> | <b>10</b> | <b>6</b> | <b>6</b> | <b>15</b> | <b>17</b> | <b>13</b> | <b>11</b> | <b>13</b> | <b>9</b> | <b>11</b> | <b>124</b> |

*Jadual 5 – Jumlah operasi CARILAMAT insiden melibatkan manusia tahun 2024*

**Taburan insiden.** Taburan insiden melibatkan vesel dan manusia bagi tahun 2024 telah merekodkan berlaku pada jarak kurang dari 50 bn dari daratan yang merangkumi insiden seperti vesel rosak, medevac, orang jatuh laut, bunuh diri, hilang, lemas pantai, karam, jumpa mayat, vesel terbalik, vesel hanyut, kebakaran, dan lain-lain.

## MEDICO DAN MEDEVAC

### **MEDICO (MEDICAL ADVICE BY RADIO).**

Perkhidmatan MEDICO merupakan perkhidmatan bantuan perubatan secara atas talian seperti telefon, radio atau lain-lain alat komunikasi. Pada tahun 2024, sebanyak 1 perkhidmatan bantuan MEDICO telah diberikan seperti diperincikan di **Jadual 6** dan **Jadual 7**.

### **MEDEVAC (MEDICAL EVACUATION).**

Perkhidmatan MEDEVAC adalah perkhidmatan pengangkutan kecemasan bagi menyelamatkan nyawa khususnya dan keperluan perubatan segera amnya kepada komuniti maritim yang berada dalam MSRR negara. Pada tahun 2024, terdapat sebanyak 20 insiden yang memerlukan perkhidmatan MEDEVAC. Terdapat pengurangan 1 insiden berbanding 21 direkodkan pada tahun 2023. **Jadual 6** dan **Jadual 7** menunjukkan jumlah keseluruhan perkhidmatan MEDEVAC dan MEDICO yang telah dilaksanakan.



| Insiden | 2019 | 2020 | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | JUMLAH |
|---------|------|------|------|------|------|------|--------|
| MEDICO  | 3    | 3    | 4    | 1    | 3    | 1    | 15     |
| MEDEVAC | 19   | 21   | 26   | 14   | 21   | 20   | 121    |

**Jadual 6** – Jumlah MEDICO dan MEDEVAC dari tahun 2019 hingga 2024

| Insiden | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGOS | SEP | OKT | NOV | DIS | JUMLAH |
|---------|-----|-----|-----|-----|-----|-----|-----|------|-----|-----|-----|-----|--------|
| MEDICO  |     |     |     |     |     |     | 1   |      |     |     |     |     | 1      |
| MEDEVAC | 2   | 1   | 4   | 2   | 1   | 1   | 0   | 1    | 2   | 4   | 1   | 1   | 20     |

**Jadual 7** – Jumlah MEDICO dan MEDEVAC 2024

Taburan bagi MEDEVAC dan MEDICO bagi tahun 2024 dapat dilihat sebanyak 20 insiden yang memerlukan perkhidmatan MEDEVAC dan 1 perkhidmatan MEDICO berlaku di Semenanjung Malaysia. Manakala selebihnya berlaku di Sabah dan Sarawak.

## STATISTIK MANGSA

### JUMLAH MANGSA

Berdasarkan jumlah operasi CARILAMAT yang telah dikoordinasikan pada tahun 2024, jumlah mangsa yang telah diselamatkan adalah seramai 1,259 orang daripada 1,348 mangsa yang terlibat. Jumlah mangsa yang terlibat mencatatkan penurunan berbanding tahun sebelumNya yang mencatatkan 1,535 orang mangsa. Jumlah mangsa dari tahun 2019 hingga 2024 dapat dilihat secara terperinci seperti di **Jadual 8**. Manakala jumlah mangsa pada tahun 2024 dapat dilihat pada **Jadual 9**.

| STATUS        | 2019         | 2020         | 2021         | 2022         | 2023         | 2024         | JUMLAH       |
|---------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|--------------|
| Selamat       | 931          | 1,790        | 970          | 1,452        | 1,400        | 1,259        | 7,802        |
| Mati          | 98           | 97           | 119          | 99           | 90           | 64           | 567          |
| Hilang        | 45           | 37           | 54           | 51           | 45           | 25           | 257          |
| <b>JUMLAH</b> | <b>1,074</b> | <b>1,924</b> | <b>1,143</b> | <b>1,602</b> | <b>1,535</b> | <b>1,348</b> | <b>8,626</b> |

**Jadual 8** – Jumlah mangsa dari tahun 2019 hingga 2024



| STATUS        | JAN       | FEB       | MAC       | APR       | MEI       | JUN       | JUL        | OGO        | SEP        | OKT       | NOV       | DIS        | JUMLAH       |
|---------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|------------|------------|-----------|-----------|------------|--------------|
| Selamat       | 24        | 36        | 47        | 47        | 30        | 23        | 106        | 96         | 614        | 73        | 43        | 120        | 1,259        |
| Mati          | 3         | 2         | 2         | 1         | 2         | 13        | 7          | 8          | 4          | 11        | 4         | 7          | 64           |
| Hilang        | 0         | 1         | 3         | 0         | 2         | 2         | 4          | 6          | 3          | 1         | 2         | 1          | 25           |
| <b>JUMLAH</b> | <b>27</b> | <b>39</b> | <b>52</b> | <b>48</b> | <b>34</b> | <b>38</b> | <b>117</b> | <b>110</b> | <b>621</b> | <b>85</b> | <b>49</b> | <b>128</b> | <b>1,348</b> |

**Jadual 9 - Jumlah Mangsa Pada Tahun 2024**

**Warganegara.** Selain itu, daripada 1,348 orang mangsa yang terlibat dalam operasi CARILAMAT pada tahun 2024, warganegara Malaysia merupakan jumlah mangsa yang tertinggi terlibat dalam operasi CARILAMAT iaitu seramai 992 orang diikuti warganegara Indonesia iaitu seramai 112 orang. **Jadual 10** menerangkan jumlah mangsa mengikut warganegara bagi tahun 2024. Daripada jumlah 992 orang warganegara Malaysia, seramai 945 orang berjaya diselamatkan manakala 40 orang telah meninggal dunia dan 7 orang masih hilang.

| Bil           | Warganegara | Jumlah Mangsa |           |           | Jumlah       |
|---------------|-------------|---------------|-----------|-----------|--------------|
|               |             | Selamat       | Mati      | Hilang    |              |
| 1             | Malaysia    | 945           | 40        | 7         | 992          |
| 2             | Indonesia   | 101           | 7         | 4         | 112          |
| 3             | Thailand    | 9             | 1         | 6         | 16           |
| 4             | Philippines | 31            | 0         | 3         | 34           |
| 5             | Vietnam     | 23            | 1         | 0         | 24           |
| 6             | Myanmar     | 14            | 0         | 0         | 14           |
| 7             | China       | 42            | 4         | 0         | 46           |
| 8             | India       | 35            | 1         | 1         | 37           |
| 9             | France      | 2             |           |           | 2            |
| 10            | Sri Lanka   | 1             |           |           | 1            |
| 11            | Ukraine     | 1             |           |           | 1            |
| 12            | Iran        | 1             |           |           | 1            |
| 13            | Ireland     | 1             |           |           | 1            |
| 14            | Russia      |               |           | 1         | 1            |
| 15            | Britain     | 1             |           |           | 1            |
| 16            | Romania     | 1             |           |           | 1            |
| 17            | Turkey      | 1             |           |           | 1            |
| 19            | Bangladesh  | 3             |           |           | 3            |
| 20            | Singapore   | 5             |           |           | 5            |
| 21            | Cambodia    | 4             |           |           | 4            |
| 22            | Unknown     | 38            | 10        | 3         | 51           |
| <b>Jumlah</b> |             | <b>1,259</b>  | <b>64</b> | <b>25</b> | <b>1,348</b> |

**Jadual 10 - Jumlah mangsa mengikut warganegara bagi tahun 2024**



## STATISTIK PENERIMAAN LAPORAN INSIDEN

Pada tahun 2024, saluran penerimaan insiden tertinggi adalah melalui panggilan telefon iaitu sebanyak 156 insiden diikuti panggilan melalui MERS 999 iaitu sebanyak 49 insiden. Jumlah penerimaan insiden pada tahun 2024 dapat dilihat seperti di **Jadual 11**.

| Saluran       | JAN       | FEB       | MAR       | APR       | MEI       | JUN       | JUL       | AGO       | SEP       | OKT       | NOV       | DIS       | JUMLAH     |
|---------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|
| COSPAS SARSAT | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| GMDSS         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| RADIO HF/ VHF | 0         | 1         | 0         | 0         | 1         | 0         | 0         | 1         | 0         | 0         | 0         | 0         | 3          |
| TELEFON       | 7         | 7         | 14        | 5         | 10        | 15        | 22        | 21        | 15        | 14        | 9         | 17        | 156        |
| MERS 999      | 5         | 4         | 5         | 4         | 1         | 6         | 2         | 1         | 5         | 5         | 5         | 6         | 49         |
| SATCOM        | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| EMAIL         | 1         | 0         | 2         | 2         | 0         | 0         | 5         | 2         | 1         | 2         | 2         | 1         | 18         |
| FAKS          | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| INMARSAT C    | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0         | 0          |
| <b>JUMLAH</b> | <b>13</b> | <b>12</b> | <b>21</b> | <b>11</b> | <b>12</b> | <b>21</b> | <b>29</b> | <b>25</b> | <b>21</b> | <b>21</b> | <b>16</b> | <b>24</b> | <b>226</b> |

**Jadual 11** – Jumlah penerimaan insiden pada tahun 2024

## SISTEM COSPAS SARSAT

Sistem Cospas-Sarsat adalah sistem CARILAMAT berasaskan satelit bagi mengesan lokasi *Emergency Beacon* yang diaktifkan sama ada secara automatik atau manual oleh pengguna aplikasi penerbangan menggunakan *Emergency Locator Transmitter (ELT)*, pengguna aplikasi maritim menggunakan *Emergency Positioning Indicating Radio Beacon (EPIRB)* dan pengguna aplikasi individu menggunakan *Personal Locator Beacon (PLB)* ketika berada dalam situasi kecemasan.

## PENGESANAN BEACON

**Jumlah pengesanan beacon.** Pada tahun 2024, MYMCC telah menerima **102** pengesanan beacon. Pengesanan beacon-beacon ini dikategorikan mengikut klasifikasi yang telah ditetapkan oleh organisasi Cospas-Sarsat iaitu *Distress Alert*, *False Alert* dan *Undetermined* seperti di **Jadual 12**. Terdapat **3** pengesanan bagi *Distress Alert* pada tahun 2024. Kesemua pengesanan beacon ini berlaku di dalam kawasan *Maritime Search and Rescue Region (MSRR)* dan *Aeronautical Search and Rescue Region (ASRR)* Malaysia. Pengesanan ini bukan hanya melibatkan beacon-beacon Malaysia tetapi ianya juga melibatkan beacon-beacon dari luar negara yang berada di kawasan tanggungjawab Malaysia. Pengesanan *False Alert* pula telah merekodkan sebanyak **137** pengesanan. **Carta 6** menunjukkan statistik pengesanan *beacon* bagi tahun 2024.



| Klasifikasi Amaran                                       | EPIRB      | ELT       | PLB       | Jumlah Kecil | Jumlah     |
|--|------------|-----------|-----------|--------------|------------|
| <i>Distress Alerts</i>                                   | 2          | 1         | -         | 3            | 3          |
| <i>False Alerts</i>                                      |            |           |           | 136          | 136        |
| <i>Klasifikasi False Alerts (Beacon Yang Diaktifkan)</i> |            |           |           |              |            |
| <i>Beacon Mishandling</i>                                | 11         | 1         | 1         | 5            |            |
| <i>Beacon Malfunction</i>                                | 4          | 1         | -         | 4            |            |
| <i>Mounting Failure</i>                                  | 7          | -         | -         | 7            |            |
| <i>Environmental Conditions</i>                          | 1          | -         | -         | 1            |            |
| <i>Maintenance Activations</i>                           | 6          | 1         | 1         | 8            |            |
| <i>Voluntary Activation</i>                              | -          | 1         | 2         | 3            |            |
| <i>Unknown</i>   | 75         | 6         | 18        | 86           |            |
| <i>Undetermined</i>                                      | -          | -         | -         | -            |            |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>106</b> | <b>11</b> | <b>22</b> |              | <b>139</b> |

**Jadual 12:** Jumlah pengesanan beacon kecemasan bagi tahun 2024

**Pengesanan melibatkan *Distress Alert*.** Terdapat tiga (3) pengesanan *Distress Alert* sepanjang tahun 2024. Butiran pengesanan adalah seperti berikut:

**i. ELT.** Kejadian berlaku pada bulan April 2024 di Pengkalan TLDM Lumut, Perak melibatkan sebuah Helikopter Augusta Westland AW139. Beacon ELT yang dikesan adalah milik helikopter TLDM yang dilaporkan telah bertembung dengan Helikopter Fennec (M502-6) milik TLDM juga semasa Latihan Lintas Hormat Sambutan Hari Ulang Tahun TLDM Ke- 90.

**ii.EPIRB.** Kejadian berlaku pada bulan Oktober 2024 di Muara Sungai Batu Pahat, Johor melibatkan sebuah Tugboat berdaftar bendera Djibouti dengan nama **DAIBYO NO. 7**. PUSOP Batu Pahat mengesahkan bahawa Tugboat DAIBYO No. 7 tenggelam di Jeti Pembaikan See Yong & Son Construction SB Yard. Kesemua anak kapal dalam keadaan baik dan selamat.

**iii.EPIRB.** Kejadian berlaku pada bulan November 2024 di Pulau Kapas, Terengganu melibatkan kapal **GALOC** berdaftar di Singapore. Kapal telah terdampar/terkandas di Pulau Kapas, Terengganu. Pihak ejen kapal telah membuat laporan kepada Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Jabatan Laut Wilayah Timur, Kuala Terengganu.



**Analisa jumlah kes.** Daripada 140 pengesanan beacon, **98** pengesanan (70%) adalah beacon yang didaftarkan dengan kod negara Malaysia (533 *country code*) manakala sebanyak **42** pengesanan (30%) adalah beacon-beacon yang berdaftar dengan kod luar negara. Dari **98** beacon dengan kod pendaftaran Malaysia, **23** daripadanya adalah berdaftar dalam Sistem Pendaftaran Beacon (BIM). Jumlah pengesanan beacon Malaysia (533) tahun 2024 yang berdaftar dalam BIM adalah seperti di **Jadual 13**.

| BULAN         | ELT       | PLB       | EPIRB     | JUMLAH    | BILANGAN YANG BERDAFTAR DALAM BIM |
|---------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------------------------------|
| JANUARI       | 1         | -         | 1         | 2         | 1 (EPIRB)                         |
| FEBRUARI      | 2         | 1         | 5         | 8         | 1 (ELT)<br>1 (EPIRB)              |
| MAC           | 0         | 1         | 7         | 8         | 1 (EPIRB)                         |
| APRIL         | 3         | 1         | 5         | 9         | -                                 |
| MEI           | 3         | 3         | 13        | 19        | 2 (EPIRB)<br>1 (ELT)              |
| JUN           | 1         | 2         | 10        | 13        | 3 (EPIRB)                         |
| JULAI         | 0         | 2         | 3         | 5         | 1 (EPIRB)<br>1 (PLB)              |
| OGOS          | 0         | 3         | 8         | 11        | 1 (PLB)<br>2 (EPIRB)              |
| SEPTEMBER     | 0         | 1         | 4         | 5         | 1 (EPIRB)                         |
| OKTOBER       | 0         | 2         | 2         | 4         | 1 (PLB)                           |
| NOVEMBER      | 0         | 1         | 6         | 7         | 1 (ELT)<br>2 (EPIRB)              |
| DISEMBER      | 1         | 0         | 5         | 6         | 1 (ELT)<br>2 (EPIRB)              |
| <b>JUMLAH</b> | <b>11</b> | <b>17</b> | <b>69</b> | <b>97</b> | <b>23</b>                         |

**Jadual 13:** Jumlah pengesanan beacon Malaysia (533) bagi tahun 2024

## PENDAFTARAN BEACON

**Jumlah pendaftaran beacon 2024.** Sebagai penyedia perkhidmatan sistem Cospas-Sarsat, APMM telah dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk mentadbir sistem maklumat pendaftaran beacon. BCLBB melalui MYMCC telah berusaha untuk memastikan beacon kecemasan setiap kapal berdaftar dengan *flag state* Malaysia atau mana-mana kapal yang melalui perairan Malaysia didaftarkan dengan Sistem Pendaftaran Beacon atau **Beacon Information Management (BIM)**. Bagi tahun 2024, sebanyak **216** beacon EPIRB dan PLB telah didaftarkan. Jumlah pendaftaran mengikut jenis aplikasi beacon adalah seperti di **Jadual 14**.

| BULAN         | JAN       | FEB       | MAC      | APR       | MEI       | JUN       | JUL       | OGO       | SEP       | OKT       | NOV       | DIS       | JUMLAH     |
|---------------|-----------|-----------|----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|------------|
| ELT           | -         | -         | -        | -         | -         | -         | -         | -         | -         | -         | -         | -         | 0          |
| PLB           | 6         | 7         | 2        | 5         | 9         | 2         | 6         | 3         | 9         | 6         | 17        | 14        | 86         |
| EPIRB         | 11        | 5         | 5        | 12        | 13        | 12        | 13        | 14        | 8         | 15        | 17        | 5         | 130        |
| <b>JUMLAH</b> | <b>17</b> | <b>12</b> | <b>7</b> | <b>17</b> | <b>22</b> | <b>14</b> | <b>19</b> | <b>17</b> | <b>17</b> | <b>21</b> | <b>34</b> | <b>19</b> | <b>216</b> |

*Jadual 14: Jumlah pendaftaran beacon bagi tahun 2024*

**Program Pemeriksaan Beacon EPIRB dan PLB.** MYMCC telah melakukan pemeriksaan secara fizikal terhadap beacon (EPIRB dan PLB) milik kapal/bot di bawah naungan Maritim Negeri Terengganu, ZM Kemaman, ZM Tanjung Sedili dan ZM Mersing. Pelaksanaan pemeriksaan ini merupakan sebahagian dari langkah yang diambil untuk memperkasakan sistem Cospas-Sarsat yang dimiliki oleh APMM serta memastikan aset-aset APMM mematuhi tahap keselamatan yang ditetapkan oleh *International Maritime Organization (IMO)*. Objektif pemeriksaan ini dilaksanakan adalah untuk memastikan beacon EPIRB dan PLB yang dimiliki oleh aset APMM khususnya di Maritim Negeri berada di dalam keadaan baik.

Pemeriksaan ini juga bertujuan memberi pendedahan dan penerangan mengenai fungsi serta kepentingan beacon, tatacara penggunaan dan penyelenggaraan yang perlu dilakukan oleh krew kapal dan bot. Selain itu, penekanan khusus berkaitan keperluan pendaftaran beacon (EPIRB dan PLB) di dalam sistem pendaftaran beacon – *Beacon Information Management (BIM)* turut dititikberatkan yang bertujuan untuk merekod maklumat pemilik beacon secara terperinci dan tepat. Berikut adalah siri pemeriksaan yang dilaksanakan melibatkan kapal dan bot seperti **Jadual 15**.



| Bil                                   | Lokasi   | Kapal/ Bot   | Tarikh Pelaksanaan |
|---------------------------------------|--|--|--------------------|
| <b>MN TERENGGANU / ZM KEMAMAN</b>     |  |  |                    |
| 1.                                    | Jeti MN Terengganu                             | (a) KM RAWA<br>(b) KM REDANG<br>(c) KM BEGAHAK<br>(d) PENGGALANG 45<br>(e) PENGAWAL 16<br>(f) PERKASA 34<br>(g) PERKASA 38 | 10 Julai 2024      |
| 2.                                    | Jeti Maritim ZM Kemaman                        | (a) KM GEMIA<br>(b) PENGGALANG 16<br>(c) PENGGALANG 17<br>(d) PERKASA 49<br>(e) KILAT 27                                   | 11 Julai 2024      |
| <b>ZM TANJUNG SEDILI / ZM MERSING</b> |  |  |                    |
| 1.                                    | Limbungan Nautical Line Tanjung Sedili         | a) KM RHU<br>b) KM NIAH<br>c) PENGGALANG 15<br>d) PERKASA 29<br>e) PERKASA 30<br>f) PETIR 11<br>g) PETIR 50<br>h) KILAT 16 | 26 November 2024   |
| 2.                                    | Jeti PM Pengerang / JETI TPTP KD Sultan Ismail | a) KM MULIA<br>b) KM MENGALUM  | 27 November 2024   |
| 3.                                    | Jeti PM Teluk Gading                           | a) KM MERSUJI<br>b) KM MANJUNG<br>c) PERKASA 44  | 2 November 2024    |

**Jadual 15:** Jadual pemeriksaan EPIRB dan PLB di MN Terengganu, ZM Kemaman, ZM Tanjung Sedili dan ZM Mersing.

## LATIHAN DAN EKSESAIS CARILAMAT (SAREX)

Pelaksanaan SAREX bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan anggota dalam mengendalikan pelaksanaan operasi CARILAMAT. Di samping itu, ia dapat meningkatkan kerjasama antara jabatan/agensi dan berdasarkan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan agar operasi CARILAMAT dapat dilaksanakan dengan pantas dan cekap tanpa sebarang kekeliruan atau percanggahan prosedur.



Kejayaan operasi CARILAMAT tidak akan berhasil tanpa bantuan dan sokongan dari agensi kerajaan yang lain sama ada dari segi aset, manusia ataupun perkhidmatan kepakaran yang sedia ada pada mereka. Usaha mencari dan menyelamatkan memerlukan kerjasama semua agensi-agensi bantuan dan sokongan seperti yang terdapat di dalam Manual SAR Kebangsaan (NAMSAR) agar operasi CARILAMAT dapat di koordinasi dan dilaksanakan dengan cepat dan efektif.

Di samping itu, bagi meningkatkan kerjasama dalam operasi CARILAMAT, SAREX bersama negara serantau juga perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kesefahaman dan koordinasi dalam operasi CARILAMAT bersama negara tersebut pada masa akan datang. Bagi menguji Pelan *Maritime Mass Rescue Operation* (MMRO) 2022, semua MRSC akan melaksanakan SAREX Level 3 secara giliran yang melibatkan situasi atau senario MMRO.

Di dalam memastikan petugas MRCC dan MRSC sentiasa cekap dan mampu berkomunikasi dengan baik, *Search and Rescue Communication Exercise* (SARCOMEX) akan terus diperkasakan dengan pelaksanaan bersama beberapa negara lain antaranya Filipina, Indonesia, Thailand, Vietnam, Jepun dan Singapura.

## PROGRAM PREVENTIVE SAR

---

MRSC bersama Maritim Negeri (MN) dan Zon Maritim (ZM) akan terus merancang dan melaksanakan program kesedaran dan pencegahan kemalangan di laut dengan mengadakan program *Preventive SAR* kepada komuniti maritim seperti persatuan nelayan tempatan dan pengusaha feri bagi mengurangkan insiden kemalangan di laut. Ia selaras dengan Teras strategik 4 objektif strategik 1 Pelan Strategik SAR APMM 2021-2025 dimana setiap MN dan ZM perlu melaksanakan minimum 12 program *preventive SAR* setahun. Selain itu, Pelaksanaan *Preventive SAR* juga merupakan salah satu *Key Performance Indicator* (KPI) APMM.

## HARI KESEDARAN KESELAMATAN MARITIM (HKKM)

---

Pada tahun 2024, BCLBB telah berjaya menganjurkan HKKM buat tahun keempat sejak 2021. Semua MN dan ZM telah melibatkan diri dalam HKKM pada tahun ini. Antara pengisian yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Taklimat/seminar keselamatan di persatuan nelayan, institusi pendidikan, pusat pelancongan dan syarikat swasta;
- Wawancara di televisyen, radio dan sebagainya;
- Pertandingan mewarna bertemakan keselamatan di laut;
- Mengadakan pameran dan poster keselamatan;
- Edaran sticker dan risalah kepada komuniti maritim oleh aset yang beroperasi;
- Taklimat penggunaan peralatan keselamatan di laut seperti penggunaan jaket keselamatan dan *Personal Locator Beacon* (PLB);
- Pertandingan memancing sempena HKKM;
- Pendaftaran PLB kepada komuniti maritim; dan
- Pertandingan sukan antara agensi sahabat yang terlibat dalam operasi CARILAMAT Maritim.



## BAHAGIAN OPERASI UDARA

Bahagian Operasi Udara juga melaksanakan penugasan CARILAMAT dan sebanyak 13 penugasan carilamat telah dilaksanakan. Jumlah yang tertinggi telah direkodkan hilang dilaut adalah sebanyak 4 kes sepanjang tahun 2024 yang melibatkan pesawat AS365N3 dan CL415MP. Statistik jumlah dan lokasi/kawasan Operasi CARILAMAT dan Bantuan Bencana.

| OPERASI CARI LAMAT DAN BANTUAN BENCANA |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |           |
|--|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|-----------|
| INSIDEN                                | BULAN    |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          | JUMLAH    |
|  | JAN      | FEB      | MAR      | APR      | MAY      | JUN      | JUL      | AUG      | SEP      | OCT      | NOV      | DEC      |           |
| KAPAL / BOT KARAM                      | -        | -        | -        | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1         |
| KAPAL / BOT HILANG                     | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1        | -        | 1        | 3         |
| KAPAL / BOT TERBAKAR                   | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| PELANGGARAN                            | -        | -        | -        | 2        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 2         |
| JATUH LAUT                             | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| LEMAS                                  | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| HILANG DILAUT                          | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | 2        | -        | -        | -        | 1        | 4         |
| MEDEVAC                                | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1        | 1         |
| MERCY FLIGHT                           | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1        | 0         |
| FIRE FIGHTING                          | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1         |
| HELICOPTER DITCHING                    | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1         |
| <b>JUMLAH</b>                          | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>3</b> | <b>2</b> | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>0</b> | <b>2</b> | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>0</b> | <b>4</b> | <b>13</b> |

*Jumlah Operasi CARILAMAT dan Bantuan Bencana*

| KAWASAN / LOKASI OPERASI CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |           |
|--|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|----------|-----------|
| NEGERI   | BULAN    |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          |          | JUMLAH    |
|  | JAN      | FEB      | MAR      | APR      | MAY      | JUN      | JUL      | AUG      | SEP      | OCT      | NOV      | DEC      |           |
| KEDAH / PERLIS   | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| PULAU PINANG   | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 2        | 2         |
| PERAK  | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| SELANGOR   | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1         |
| N.SEMBILAN / MELAKA                                    | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| JOHOR BARAT  | -        | -        | -        | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1         |
| JOHOR TIMUR  | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 0         |
| PAHANG   | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1        | 2         |
| TERENGGANU   | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 2        | -        | 1        | -        | -        | 3         |
| KELANTAN   | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1         |
| SARAWAK  | -        | -        | 1        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 1         |
| SABAH  | -        | -        | -        | 2        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | -        | 2         |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>3</b> | <b>2</b> | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>0</b> | <b>2</b> | <b>0</b> | <b>1</b> | <b>0</b> | <b>3</b> | <b>13</b> |


*Lokasi / Kawasan Operasi CARILAMAT dan Bantuan Bencana*

Pada 17 Oktober 2024, pesawat CL415MP melaksanakan Operasi Pencarian 01 X VNT TRF 798 (A) disyaki hilang bersama tiga (3) orang kru di perairan Kuala Kemaman, Terengganu (04 04.40U 103 52.48T). Pada 170730H Oktober 2024 pesawat ke lokasi pencarian dan berjaya menjumpai VNT tersebut bersama kru dan menyalurkan maklumat kepada yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Pada 171050H Okt 2024 VNT TRF 798 tiba di Jeti ZMK. Gambar VNT TRF 798 (A) adalah seperti di **Rajah 1**.



**Rajah 1:** VNT TRF 798 (A) Yang Selamat Ditemui

Pada 19 Disember 2024, pesawat AW139 melaksanakan *MEDEVAC* di Pulau Tioman untuk membawa pesakit dan hantar ke padang MPK Kuantan untuk diserahkan ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), gambar seperti di **Rajah 2**



**Rajah 2 :** Mercy Flight membawa pesakit dari Pulau Tioman ke HTTA



| BANTUAN BENCANA - FIRE FIGHTING |   |
|---------------------------------|---|
| TARIKH OPERASI                  | : 27 - 29 MAC 2024                        |
| LOKASI KEBAKARAN                | : HUTAN GAMBUT SUNGAI ADONG MIRI SARAWAK  |
| SUMBER AIR                      | : SUNGAI KUALA BARAM MIRI SARAWAK (10 KM) |
| MAKLUMAT MISI                   | JUMLAH                                    |
## **KURSUS NAUTIKA TAHAP III (ILMU KELAUTAN)**

Kursus ini bagi melahirkan Pegawai Penguat Kuasa Lain-lain Pangkat yang mahir dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab di lapangan tertumpu pada tugas-tugas ilmu kelautan. Selain itu, meningkatkan kemahiran ilmu kelautan untuk melaksanakan operasi di laut dengan lebih efektif dan efisien mengikut kehendak serta keperluan pihak yang berkepentingan .

Kursus ini disertai seramai 20 orang anggota APMM telah diadakan pada 24 Jun – 05 Julai 2024 yang bertugas di kapal, bot dan pangkalan. Kursus ini telah dilaksanakan selama 2 minggu dan semua peserta dapat menamatkan kursus dengan jayanya.

## **KURSUS NAUTIKA TAHAP III (KOMUNIKASI)**

Melahirkan Pegawai Penguat Kuasa Lain-lain Pangkat yang mahir khususnya dalam komunikasi taktikal agar dapat melaksanakan tugas dengan berkesan. Selain itu, kursus ini bagi meningkatkan kemahiran dalam penggunaan PROSKOM APMM secara lebih efektif dan efisien mengikut kehendak serta keperluan pihak yang berkepentingan.



Kursus ini telah disertai oleh anggota APMM seramai 20 orang telah diadakan pada 18 – 29 Mac 2024 yang bertugas di kapal, bot dan pangkalan. Kursus ini telah dilaksanakan selama 2 minggu dan semua peserta dapat menamatkan kursus ini dengan jayanya.

## **KURSUS PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG ZON MARITIM**

Pelaksanaan dua (2) kursus ini telah dilaksanakan pada 15 – 26 Julai 2024 dan 02 - 13 September 2024 yang lalu. Kursus ini melibatkan seramai dua puluh (20) peserta setiap kursus yang terdiri daripada pegawai dan pegawai lain-lain pangkat yang telah dipilih oleh Cawangan Dasar Latihan dan Pembangunan Kompetensi Ibu Pejabat.

Objektif utama pelaksanaan kursus ini bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta berkaitan kuasa, bidangkuasa serta tatacara semasa menjalankan penguatkuasaan undang-undang yang terpakai di Zon Maritim Malaysia. Selain itu juga ianya bertujuan sebagai *refresher* kepada pengetahuan sedia ada para peserta bagi mengingat kembali kepelbagaian peruntukan perundangan yang sepatutnya diaplikasikan semasa menjalankan tugas di lapangan.

## **KURSUS ASAS FORENSIK**

Kursus ini melibatkan seramai dua puluh (20) peserta dilaksanakan selama 2 minggu bermula pada 07 Ogos 2023 sehingga 18 Ogos 2023 yang terdiri daripada pegawai dan pegawai lain-lain pangkat yang telah dipilih oleh Bahagian Siasatan Jenayah Maritim (BSJM) Ibupejabat APMM.

Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan serta memberi pendedahan yang khusus kepada peserta tentang teknik-teknik pengambilan sampel yang betul mengikut panduan yang telah ditetapkan serta memberi pengetahuan secara teori dan amali kepada peserta kursus mengenai prosedur-prosedur forensik yang perlu dilakukan apabila berlaku sesuatu kesalahan jenayah di laut mahupun di darat dan memberi pengetahuan serta panduan yang jelas kepada peserta kursus mengenai cara dan etika semasa mengendalikan kes-kes yang sulit atau tidak sulit semasa di lapangan. Pelaksanaan kursus ini telah dibahagikan kepada dua (2) fasa meliputi fasa teori dan praktikal. Selain itu, para peserta turut diuji kefahaman mereka melalui peperiksaan dan latihan simulasi (SIMEX).

## **KURSUS SAR MISSION COORDINATOR (SMC)**

Kursus SMC melibatkan peserta daripada Pegawai APMM dan TLDM yang bertugas di MRSC/ MRCC ataupun yang terlibat dalam bahagian operasi SAR secara langsung di lapangan. Bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan pegawai APMM mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai SMC semasa operasi SAR. Memastikan pelaksanaan dan pengoperasian MRCC dan MRSC dapat dilaksanakan mengikut *Standard Of Procedure* yang betul seperti yang ditetapkan dalam *IAMSAR Manual*. Memberi pendedahan dan melatih peranan SMC kepada pegawai APMM yang terlibat secara langsung dengan operasi SAR.



## **KURSUS ON SCENE COORDINATOR (OSC) SEMASA KURSUS KPMM**

Kursus ini dilaksanakan semasa kursus KPMM untuk memastikan pelaksanaan tugas semasa operasi SAR dilaksanakan mengikut tatacara dan prosedur yang betul seperti yang ditetapkan oleh *International Maritime Organisation (IMO)*. Meningkatkan pengetahuan mengenai tugas dan tanggungjawab sebagai OSC semasa operasi SAR. Meningkatkan pengetahuan dalam Organisasi MSAR dan mendedahkan teknik-teknik pencarian semasa berlakunya SAR.

Bagi Tahun 2024 sebanyak 1 siri kursus OSC telah dijalankan dengan penglibatan seramai 20 orang pegawai pada 24 – 26 Julai 2024 dan mereka yang menyertai kursus ini akan diberikan sijil penyertaan.

## **KURSUS INTERMEDIATE INTERDICTION COURSE**

Kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi penekanan khusus berpandukan *Standard Operating Procedure (SOP)* Kapal dan Bot APMM dan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP). Kursus ini juga dapat meningkatkan kebolehan melaksanakan teknik mempertahankan diri dan mengawal situasi kritikal. Selain itu, kemahiran dan keyakinan anggota sebagai anggota menggeledah yang profesional dapat ditingkatkan.

Bagi Tahun 2024 sebanyak 4 siri kursus telah dijalankan dengan penglibatan seramai 88 orang pegawai.

## **KURSUS ADVANCED INTERDICTION**

Kursus ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi penekanan khusus berpandukan *Standard Operating Procedure (SOP)* Kapal dan Bot APMM dan Perintah Tetap Ketua Pengarah (PTKP). Kursus ini juga dapat meningkatkan kebolehan melaksanakan teknik mempertahankan diri dan mengawal situasi kritikal. Selain itu, kemahiran dan keyakinan anggota sebagai anggota menggeledah yang profesional dapat ditingkatkan.

## **KURSUS BASIC TRAINING**

Kursus modular ini bertujuan memberi pemahaman jelas terhadap aspek keselamatan diri anggota yang bertugas di bahagian dek dan enjin kapal/bot serta terlibat dengan tugas penguatkuasaan selari dengan kehendak peraturan dan perundangan semasa.

Kursus ini termaktub dalam Nota Maklumat Panduan Marin (NMPM) 40/2002, Pengeluaran Perakuan Kursus Modular oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Notis Perkapalan Malaysia (NPM) 07/2012, keperluan sijil kecekapan untuk perakuan kekompetenan berdasarkan kepada Konvensyen STCW 78 seperti Pindaan (Pindaan Manila 2010) kepada pelaut tempatan dan kerajaan.

Bagi Tahun 2024 sebanyak 6 siri Kursus *Basic Training* telah dijalankan dengan penglibatan seramai 108 orang pegawai dan anggota APMM. Bagi mereka yang telah lulus kursus ini akan diberikan sijil lulus selama 5 tahun dan perlu diperbaharui melalui kursus *Basic Training Refresher*.



## **KURSUS MATE LESS THAN 500GT DOMESTIC VOYAGE**

Kursus ini bertujuan melahirkan pegawai APMM dan TLDM yang kompeten yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia bagi mengemudi kapal/bot di bawah 500GT. Setelah tamat kursus dan disahkan oleh pegawai penilai dari Jabatan Laut Malaysia (JLM) melalui ujian lisan oral, peserta akan dianugerahkan tiket yang mengiktiraf pemegangnya telah mempunyai tahap kecekapan kompetensi dalam pengendalian kapal di bawah 500GT seperti yang digariskan dalam *Schedule of the Merchant Shipping (Training and Certification) Rule 1999* dan Document JL/01/2009.

Bagi tahun 2024 sebanyak 4 siri kursus *Mate Less Than 500 GT* telah dijalankan dengan penglibatan seramai 80 orang pegawai. Bagi mereka yang telah lulus kursus ini mestilah mempunyai sekurang-kurangnya kursus modular *Basic Training* sebelum boleh dianugerahkan tiket kompetensi pengendalian kapal di bawah 500GT.

## **KURSUS ENGINEER OFFICER <750 KW DOMESTIC & NEAR COASTAL VOYAGE**

Kursus ini bertujuan melahirkan pegawai APMM yang kompeten yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia bagi melayakkan mereka memegang perakuan sebagai *Engineer Officer Certificate of Competency (Motor)* di kapal kurang dari 750kW *on domestic and near coastal voyage* berdasarkan kepada piawaian yang digariskan dalam *Rules JL/P/01/2009, Standard of Competence*, Jabatan Laut Malaysia.

Bagi tahun 2024 sebanyak 2 siri kursus *Engineer Officer <750 kW Domestic and Near Coastal Voyages* telah dijalankan dengan penglibatan seramai 40 orang pegawai dan anggota APMM. Bagi mereka yang telah lulus kursus ini mestilah mempunyai sekurang-kurangnya kursus modular *Basic Training* sebelum boleh dianugerahkan tiket kompetensi pengawasan bilik jentera bagi kapal <750 kW.

## **BINTARA KANAN SERTAI KURSUS PENGURUSAN PENYELIA KANAN MARITIM**

Akademi Sultan Ahamad Shah (AMSAS) telah berjaya menganjurkan kursus generik iaitu Kursus Pengurusan Penyelia Kanan. Kursus Pengurusan Penyelia Kanan Pegawai Penguat Kuasa Maritim Siri 3 Bil 1/2024 ini telah dilaksanakan selama satu minggu bermula pada 22 April 2024 sehingga 26 April 2024 yang lalu. Kursus ini melibatkan seramai lima belas (15) peserta berpangkat Bintara Kanan Maritim yang telah dipilih oleh Cawangan Dasar Latihan Sumber Manusia Ibu Pejabat Maritim Malaysia (APMM).

Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk memberikan kefahaman mengenai asas-asas kepimpinan, komunikasi berkesan dan meningkatkan kebolehan menangani masalah dalam pengurusan seterusnya memupuk semangat kerja berpasukan dalam menyelesaikan masalah. Kursus Pengurusan Penyelia Kanan Pegawai Penguat Kuasa Maritim ini juga merupakan salah satu kriteria wajib untuk kenaikan pangkat bagi Pegawai Penguat Kuasa Maritim Lain-lain Pangkat seperti yang termaktub dalam Dasar Pembangunan Kerjaya Maritim (DPKM).



## PEGAWAI SERTAI KURSUS PEGAWAI PENYIASAT KANAN

AMSAS telah berjaya menganjurkan satu lagi siri kursus fungsional iaitu Kursus Pegawai Penyiasat Kanan. Kursus Pegawai Penyiasat Kanan Siri 4 ini telah dilaksanakan selama satu minggu bermula pada 22 hingga 26 April 2024 yang lalu melibatkan seramai sembilan belas (19) peserta berpangkat Leftenan Madya Maritim hingga Leftenan Maritim yang telah dipilih oleh Bahagian Sumber Manusia (BSM) Ibu Pejabat Maritim Malaysia (APMM).

Objektif utama pelaksanaan kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan mengenai teknik-teknik sebagai Pegawai Penyiasat Kanan yang betul mengikut panduan yang telah ditetapkan di dalam perundangan Malaysia. Kursus ini jua memberikan pendedahan secara teori dan amali kepada peserta kursus mengenai prosedur-prosedur berkenaan tatacara penyiasatan yang betul supaya dapat melahirkan Pegawai Penyiasat Kanan yang berkaliber serta berintegriti tinggi seterusnya menyediakan peserta kursus mengenai cara dan etika semasa berada di dalam mahkamah apabila diperlukan.

## KURSUS SAR MISSION COORDINATOR REFRESHER (SMCR)

AMSAS melalui Kluster Pengajian dan Pembangunan Operasi Maritim (KPPOM) telah menganjurkan Kursus SAR Mission Coordinator Refresher (SMCR) Siri 1 Bil.1 2024. Kursus selama dua minggu yang berlangsung pada 12 - 22 Mac 2024 ini telah disertai oleh Sembilan (9) pegawai APMM yang telah menghadiri siri-siri kursus kepakaran SAR Mission Coordinator (SMC) anjuran AMSAS sebelum ini.

Kursus SMCR ini merupakan platform untuk mengemaskini pengetahuan peserta berkenaan prosedur pelaksanaan operasi SAR, polisi-polisi terkini di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, serta pembangunan teknologi SAR semasa. Kursus ini turut membincangkan kajian berkaitan insiden-insiden SAR yang berlaku di dalam dan luar negara bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran pegawai sewaktu mengendalikan insiden SAR di lapangan.

## BILANGAN PEGAWAI YANG MENGHADIRI KURSUS PADA TAHUN 2024

| Bil           | Gred/ Kumpulan           | Bilangan Anggota | Kursus Pendek                                    |  |   | Bilangan Anggota Yang Hadir Kursus Panjang > 3 Bulan (d) |
|---------------|--------------------------|------------------|--|--|---|--|
|               |                          |                  | Bilangan Anggota Yang Hadir > 3 Hari Setahun (a) | Bilangan Anggota Yang Hadir < 3 Hari Setahun (b) | Bilangan Anggota Yang Tidak Berkursus (c) |  |
| 1.            | JUSA                     | -                | -  | -  | -   | -  |
| 2.            | Pengurusan & Profesional | 38               | 38   | 0  | 0   | 0  |
| 3.            | Pelaksana                | 82               | 82   | 0  | 0   | 0  |
| <b>Jumlah</b> |                          | <b>120</b>       | <b>120</b>                                       | <b>0</b>   | <b>0</b>                                  | <b>0</b>   |



## BAHAGIAN KEWANGAN DAN BELANJAWAN

### PERUNTUKAN DAN PRESTASI PERBELANJAAN PERUNTUKAN MENGURUS

Pada tahun 2024 Maritim Malaysia telah diluluskan Peruntukan Mengurus (OE) sebanyak **RM666,123,600.00** di bawah peruntukan Dasar Sedia Ada (DSA) dan Program Khusus (PK) yang merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan bayaran tetap serta perbelanjaan lain.

Sehingga 31 Disember 2024, Maritim Malaysia telah membelanjakan sebanyak **RM643,991,842.65 (101.92%)** daripada peruntukan yang dikemaskini berjumlah **RM631,863,788.44**. Lebihan perbelanjaan disebabkan oleh bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak **RM10.3 juta** dan pelarasan gaji Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebanyak **RM1.7 juta**.


| Perkara                                    | Jumlah         |
|--|----------------|
| Peruntukan Kemaskini Belanja Mengurus (RM) | 631,863,788.44 |
| Jumlah Perbelanjaan (RM)                   | 643,991,842.65 |
| Peratusan Perbelanjaan (%)                 | 101.92         |

**Jadual 1 :** Jumlah Peruntukan Kemaskini Belanja Mengurus dan Jumlah Perbelanjaan APMM.

Paparan pada **Jadual 2** dan **Rajah 1** menunjukkan perincian peruntukan dan prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus mengikut dasar / aktiviti bagi tahun 2024.

| Bil | Dasar/ Program/ Aktiviti   | Peruntukan Diterima (RM) | Peruntukan Dibelanjakan (RM) | Peratus Pebelanjaan (%) |
|-----|----------------------------|--------------------------|------------------------------|-------------------------|
| 1.  | Dasar Sedia Ada (DSA) APMM | 622,298,720.84           | 634,426,775.05               | 101.95                  |
| 2.  | Program Khusus             | 9,565,067.60             | 9,565,067.60                 | 100                     |
| 3.  | One Off (Harta Modal)      | 450,947.40               | 450,947.40                   | 100                     |

**Jadual 2 :** Maklumat Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Aktiviti.



**Rajah 1 : Peruntukan Mengurus Tahun 2024 yang Diterima dan Dibelanjakan Mengikut Pecahan Kumpulan Aktiviti.**

### SESI PEMERIKSAAN BELANJAWAN 2024

Penyediaan cadangan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) APMM 2025 telah diselaraskan di Bahagian Kewangan dan Belanjawan (BKB) dan sesi pemeriksaan telah diadakan bersama wakil Maritim Negeri (MN) dan Zon Maritim (ZM) pada 21 hingga 24 Januari 2024 bertempat di Maritim Negeri Pulau Pinang. Manakala sesi pemeriksaan belanjawan Agensi telah diadakan bersama wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kewangan (MOF) pada 30 Mei 2024 hingga 1 Jun 2024 bertempat di Hotel Zenith Kuantan, Pahang.





*Sesi Pemeriksaan Belanjawan 2024 bersama Semua wakil PTJ di bawah APMM pada 21 hingga 24 Januari 2024 bertempat di Pejabat Maritim Negeri Pulau Pinang*




*Sesi Pemeriksaan Belanjawan 2024 bersama wakil Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Kewangan (MOF) pada 30 Mei hingga 1 Jun 2024 di Hotel Zenith Kuantan, Pahang*

## PRESTASI PEMBAYARAN BIL

Pada tahun 2024, PTJ di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah memproses sebanyak 40,139 baucar pembayaran bil berjumlah RM 834,199,262.56. Prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari di APMM telah mencapai 100%. Pemantauan ke atas prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari merupakan arahan pematuhan ke atas Arahan Perbendaharaan (AP) 103(a). AP 103(a) dengan jelas menyatakan bahawa semua bil dan tuntutan hendaklah dibayar dengan segera, yang mana Ketua Jabatan perlu memastikan bahawa bil dan tuntutan hendaklah dibayar segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh dokumen diterima dengan lengkap dan sempurna.

Maklumat seperti di **Jadual 3** dan **Rajah 2** merupakan prestasi pembayaran bil bagi tahun 2024 bagi keseluruhan PTJ di bawah APMM.

| BIL.          | TEMPOH           | BIL. BAUCAR   | JUMLAH (RM)           | PERATUS (%) |
|---------------|------------------|---------------|-----------------------|-------------|
| 1.            | 0 – 3 hari       | 30,752        | 577,897,862.08        | 76.61       |
| 2.            | 4 – 7 hari       | 8,844         | 253,290,650.91        | 22.03       |
| 3.            | 8 – 14 hari      | 538           | 2,811,397.68          | 1.34        |
| 4.            | Melebihi 14 hari | 5             | 199,351.89            | 0.02        |
| <b>JUMLAH</b> |                  | <b>40,139</b> | <b>834,199,262.56</b> | <b>100</b>  |



**Jadual 3** : Perincian Prestasi Pembayaran Bil Tahun 2024 Mengikut Tempoh Hari



Sepanjang tahun 2024, sebanyak 30,752 bil telah dibayar dalam tempoh 3 hari atau 76.61%. Manakala 8,844 bil atau 22.03% telah dibayar dalam tempoh 4 hingga 7 hari. Sejumlah 538 bil atau 1.34% dibayar dalam tempoh 8 hingga 14 hari dan 5 bil atau 0.02% dibayar melebihi 14.

Pemantauan dan pematuhan yang berterusan di dalam urusan prestasi pembayaran bil dalam tempoh 14 hari adalah bertujuan untuk:

- i. Pematuhan sepenuhnya ke atas Arahan Perbendaharaan (AP) 103 (a);
- ii. Pengurusan pembayaran bil yang cekap dan efisien;
- iii. Pematuhan ke atas peraturan, prosedur dan pekeliling pengurusan kewangan yang sedang berkuatkuasa; dan
- iv. Memastikan pengurusan kewangan di PTJ APMM diuruskan dengan berkesan.

## **KURSUS ANJURAN BAHAGIAN KEWANGAN DAN BELANJAWAN**

Bahagian Kewangan dan Belanjawan (BKB) telah mengadakan Bengkel Penyelarasan dan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan MyCost secara berperingkat mengikut Zon seperti berikut:

- a) Siri 1 - Zon Utara
- b) Siri 2 - Zon Selatan
- c) Siri 3 - Zon Sabah/ Sarawak

Bengkel Penyelarasan dan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan MyCost Siri 1 telah diadakan pada 6 hingga 7 Mei 2024 bertempat di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak melibatkan MN Perak, MN Pulau Pinang, MN Kedah Perlis, MN Kelantan, MN Selangor, ZM Kuala Kurau, ZM Kuala Kedah, ZM Kuala Perlis dan SUM Subang.

Bengkel Penyelarasan dan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan MyCost Siri 2 telah diadakan pada 6 hingga 7 Jun 2024 bertempat di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka melibatkan PTJ MN Johor, MN Melaka & Negeri Sembilan, MN Pahang, MN Terengganu, AMSAS, ZM Mersing, ZM Batu Pahat, ZM Tanjung Sedili dan ZM Kemaman.

Bengkel Penyelarasan dan Pelaksanaan Perakaunan Pengurusan MyCost Siri 3 telah diadakan pada 4 hingga 5 Julai 2024 bertempat di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sabah melibatkan PTJ MN Sabah, MN Sarawak, ZM Kudat, ZM Tawau, ZM Labuan, ZM Sandakan, ZM Lahad Datu, ZM Miri, ZM Bintulu, ZM Tanjung Manis dan ZM Semporna.

Seramai dua (2) orang peserta bagi setiap PTJ telah dijemput untuk menghadiri bengkel tersebut. Pegawai yang hadir merupakan pegawai yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan perakaunan pengurusan (MyCost) di PTJ masing-masing dan mempunyai capaian sebagai penyedia di portal MyCost.

Objektif bengkel adalah seperti berikut :

- i) Memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai dasar, prosedur dan arahan kerja berkaitan MyCost;
- ii) Memberikan pendedahan kemahiran yang diperlukan di dalam pelaksanaan MyCost;
- iii) Meningkatkan tahap kecekapan dan keberkesanan penggunaan Sistem MyCost; dan
- iv) Memberikan penekanan mengenai tatacara penyediaan dan kunci masuk data-data perakaunan pengurusan ke dalam Sistem MyCost.



*Bengkel Penyelarasan Dan Pelaksanaan MyCost Siri 1 – Zon Utara pada 6 hingga 7 Mei 2024  
di Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Perak*



*Bengkel Penyelarasan Dan Pelaksanaan MyCost Siri 2 – Zon Selatan pada 6 hingga 7 Jun 2024  
di Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka*



*Bengkel Penyelarasan Dan Pelaksanaan Mycost Siri 3 – Zon Sabah Darawak pada 4 hingga 5 Julai 2024 di Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Sabah*

## AKTIVITI PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH BAHAGIAN AUDIT DALAM, KEMENTERIAN DALAM NEGERI TAHUN 2024

Kementerian Dalam Negeri (KDN) selaku Pegawai Pengawal sentiasa memantau, menyelia serta membantu Agensi di dalam pelaksanaan pengurusan kewangan dan akaun. Pengauditan oleh Bahagian Audit Dalam, KDN ini dijalankan bagi membuat rumusan mengenai tahap pengurusan kewangan Agensi dalam menentukan sama ada:

- i) wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan;
- ii) wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pengurusan, bajet, terimaan, perolehan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah/deposit, aset dan stor serta pengurusan kenderaan;
- iii) pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- iv) rekod-rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

Skop audit merangkumi lapan (8) elemen kawalan yang disemak iaitu Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Akaun Amanah dan Deposit, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan.

Pada tahun 2024, sebanyak tiga (3) pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan ke PTJ di bawah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) seperti di **Jadual 5**.

| BIL. | NAMA PTJ                               | TEMPOH PENGAUDITAN         | MARKAH KESELURUHAN                   |
|------|--|----------------------------|--------------------------------------|
| 1.   | Zon Maritim Tanjung Manis, Sarawak     | 7 hingga 10 Oktober 2024   | <b>CEMERLANG</b><br>5 bintang 96.41% |
| 2.   | Maritim Negeri Melaka/ Negeri Sembilan | 11 hingga 15 November 2024 | <b>CEMERLANG</b><br>5 bintang 96.45% |
| 3.   | Zon Maritim Mersing, Johor             | 1 hingga 5 Disember 2024   | <b>CEMERLANG</b><br>5 bintang 96.87% |

**Jadual 5** : Senarai PTJ Pengauditan Pengurusan Kewangan



*Sesi Naziran Ibu Pejabat untuk Pengurusan Kewangan di ZM Mersing bagi persediaan Sesi Audit Pengurusan Kewangan oleh Bahagian Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri*



*Sesi Naziran Ibu Pejabat untuk Pengurusan Kewangan di ZM Mersing bagi persediaan Sesi Audit Pengurusan Kewangan oleh Bahagian Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri*



*Sesi Naziran Ibu Pejabat untuk Pengurusan Kewangan di MN Melaka/Negeri Sembilan bagi persediaan Sesi Audit Pengurusan Kewangan oleh Bahagian Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri*



*Sesi "Exit Conference" Pengauditan Pengurusan Kewangan di ZM Tanjung Manis oleh wakil Bahagian Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri*



*Sesi "Exit Conference" Pengauditan Pengurusan Kewangan di ZM Mersing oleh wakil Bahagian Audit Dalam Kementerian Dalam Negeri*



*Sesi Penyampaian Sijil Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Tahun 2024 bagi Zon Maritim Mersing, Maritim Negeri Melaka & Negeri Sembilan serta Zon Maritim Tanjung Manis yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri*

## PTJ TERBAIK PENGURUSAN PERAKAUNAN TAHUN 2024

Bahagian Akaun KDN telah memberi pengiktirafan PTJ Terbaik Pengurusan Perakaunan Tahun 2024 kepada dua (2) PTJ di bawah APMM iaitu:

1. Maritim Negeri Terengganu; dan
2. Zon Maritim Kuala Kurau

Pengiktirafan PTJ terbaik ini adalah berdasarkan kriteria penilaian seperti berikut:

- i) 100% bil/tuntutan diproses dan dibayar dalam tempoh 7 hari;
- ii) 100% penghantaran dokumen Akaun Terimaan dalam tempoh dan semakan tanpa Surat Pemerhatian;
- iii) 100% Aset Tak Alih berstatus Aset Bersih atau peratusannya melebihi status Aset Tidak Bersih; dan
- iv) 100% Penghantaran Laporan Pengesahan Baki Aset dalam tempoh ditetapkan.



*Sesi Penyampaian Sijil Anugerah PTJ Terbaik Pengurusan Perakaunan Tahun 2024 bagi Maritim Negeri Terengganu dan Zon Maritim Kuala Kurau yang disampaikan oleh YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri kepada Laksamana Maritim Datuk Haji Rosli bin Abdullah, Ketua Pengarah APMM*



## BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) merupakan salah satu Bahagian di bawah Sektor Pengurusan APMM. Bahagian ini menyediakan perkhidmatan ICT kepada warga APMM dan bertanggungjawab terhadap perkembangan dan penyelarasan program-program ICT di APMM. BTM mempunyai empat (4) fungsi utama iaitu Perancangan Strategik ICT, Pengurusan Aplikasi, Pengurusan Pentadbiran dan Portal ICT dan Pengurusan Infrastruktur ICT. Sepanjang tahun 2024, BTM telah berjaya melaksanakan program-program yang dirancang termasuklah:

### 1. Dokumen Edisi Semakan Semula Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) APMM 2021-2025

Dokumen edisi semakan semula Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) 2021-2025 telah dimuktamadkan dan diedarkan secara rasmi pada 22 Ogos 2024.

Dokumen tersebut adalah berpandukan kepada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Pelan Strategik (PS) APMM dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021-2025. Selain itu, PSP APMM 2021-2025 merupakan satu dokumen blueprint bagi agensi untuk membangun dan mengoptimalkan penggunaan ICT dalam mencapai hala tuju dan objektif strategiknya. Pelaksanaan PSP APMM 2021-2025 adalah penting untuk mendukung dan menyokong segala keperluan teknologi ICT demi memenuhi keperluan organisasi, kumpulan sasar dan juga pemegang taruh (stakeholder) APMM.


Terdapat tiga (3) Teras Strategik (TS) ICT dan lapan (8) Strategi ICT menjadi asas untuk dokumen PSP APMM 2021-2025 dan semakan semula dilaksanakan agar ia selaras dengan keperluan dan sasaran kerajaan semasa. Selain itu, dokumen edisi semakan semula diperlukan untuk memastikan pelan pendigitalan agensi adalah selaras dengan perubahan, cabaran dan kesediaan sumber semasa. Disasarkan supaya PSP APMM 2021-2025 (Edisi Semakan Semula) menjadi pemangkin dalam menyokong kejayaan pelaksanaan Pelan Strategik APMM 2040 yang menggariskan perancangan jangka panjang dalam mencapai Visi dan Misi APMM.

Laporan semakan semula dan validasi PSP APMM 2021-2025 dizahirkan melalui dokumen seperti berikut:

#### i) Ringkasan Eksekutif



## ii) Laporan Penuh



## 2. Pengurusan Laman Web APMM

Pengurusan laman web rasmi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dikendalikan oleh dua (2) jawatankuasa utama, iaitu:

- a) **Jawatankuasa Teknikal Laman Web APMM** yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat (BTM); dan
- b) **Jawatankuasa Kandungan Laman Web APMM** yang dipengerusikan oleh Pengarah Unit Komunikasi Korporat (UKK).

Penubuhan jawatankuasa ini adalah selaras dengan **Arahan Ketua Pengarah APMM Bil. 5/2017: Penambahan dan Pelantikan Ahli Jawatankuasa ICT APMM**, serta mematuhi **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2015: Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam**.

Seiring dengan perkembangan **pendigitalan negara** dan cabaran **keselamatan siber** yang semakin kompleks, penambahbaikan terhadap reka bentuk, keselamatan dan infrastruktur laman web APMM adalah amat diperlukan. Penambahbaikan ini penting bagi memastikan keupayaan dan kapasiti **perkakasan, perisian dan rangkaian** sentiasa berada pada tahap optimum untuk menyokong perkhidmatan digital yang ditawarkan.

Untuk makluman, **pelancaran terakhir laman web APMM telah dilaksanakan pada 14 November 2019**. Sehubungan itu, satu kerangka pembangunan laman web baharu sedang giat diusahakan, yang mengambil kira aspek teknikal dan kandungan penyampaian maklumat yang lebih berkesan kepada semua pihak berkepentingan APMM.

Projek pembangunan laman web baharu ini dijangka siap sepenuhnya **menjelang pertengahan tahun 2027**.



Pada tahun 2024, Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web APMM telah diadakan sebanyak dua (2) kali iaitu pada:

| Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Laman Web APMM |                  |
|--|------------------|
| Bil. 01/2024                                   | 25 Oktober 2024  |
| Bil. 02/2024                                   | 26 Disember 2024 |

Manakala, Mesyuarat Jawatankuasa Kandungan Laman Web APMM telah diadakan sebanyak satu (1) kali iaitu pada:

| Mesyuarat Jawatankuasa Kandungan Laman Web APMM |                 |
|---|-----------------|
| Bil. 01/2024                                    | 25 Oktober 2024 |

Statistik penyampaian maklumat Laman Web APMM Tahun 2024 adalah seperti berikut:



### 3. Pengurusan Multimedia

Seksyen Multimedia memainkan peranan penting dalam penghasilan pelbagai produk multimedia seperti video, audio, montaj, poster, grafik bergambar, slaid majlis serta grafik digital bagi menyokong pelaksanaan program dan majlis rasmi Agensi. Usaha menghasilkan produk multimedia yang berkualiti merupakan satu pendekatan inovatif yang memperkukuh kredibiliti Agensi dalam menyampaikan maklumat berkaitan pengurusan dan operasi Maritim Malaysia secara kreatif dan berinformasi kepada masyarakat.


Skop pengurusan kerja multimedia meliputi reka bentuk dan percetakan produk multimedia, perolehan perkhidmatan multimedia, pengurusan aset multimedia termasuk penyelenggaraan dan pelupusan peralatan (Harta Modal), serta perolehan perisian dan penyediaan bantuan teknikal secara fizikal atau dalam talian.

Secara keseluruhannya, sepanjang tahun 2024, BTM telah melaksanakan pelbagai bentuk perkhidmatan pengurusan multimedia bagi menyokong keperluan Agensi yang melibatkan:

#### 4. Perkhidmatan Sidang Video

Perkhidmatan sidang video kekal sebagai medium utama bagi pelaksanaan mesyuarat, latihan, kursus dan ceramah di Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Seiring dengan perkembangan teknologi dan keperluan tugas yang semakin mencabar, penggunaan platform sidang video telah banyak membantu APMM dalam menyampaikan maklumat dengan lebih pantas, cekap dan selamat. Pendigitalan komunikasi ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan kecekapan operasi serta mutu penyampaian perkhidmatan APMM kepada negara dan masyarakat.

Statistik penggunaan sidang video di APMM mengikut bulan sepanjang tahun 2024



#### 5. Kursus Sistem Aplikasi

Bahagian Teknologi Maklumat, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) kini menguruskan sebanyak 19 sistem aplikasi yang sedang aktif dalam pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, 16 sistem aplikasi telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) oleh pasukan teknikal APMM sendiri, manakala 3 sistem aplikasi selebihnya dibangunkan secara luar (*outsourced*) melalui perolehan pihak syarikat luar. Senarai sistem aplikasi APMM adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

| SENARAI SISTEM APLIKASI AKTIF 2024 DI APMM |                                 |
|--|---------------------------------|
| OPERASI & LOGISTIK                         | PENGURUSAN                      |
| COSPAS SARSAT ( <i>OUTSOURCE</i> )         | SPM (GERBANG MARITIM)           |
| BIM  | MBJ                             |
| DBSAR                                      | XPORTAL NET                     |
| DBOPS2.0                                   | E-RIZEV                         |
| MYMDI                                      | E-LUPUS                         |
| KAD KUASA & KEBENARAN MEMBAWA SENJATA 2.0  | E-KUARTERS                      |
| IRISIK                                     | MCG INTERSYS                    |
| SWASLA LUMUT ( <i>OUTSOURCE</i> )          | MCG HADIR ( <i>WEB BASED</i> )  |
| SWASLA SABAH ( <i>OUTSOURCE</i> )          | MCG HADIR ( <i>MOBILE APP</i> ) |
|  | E-TMWA                          |



| Bil | Nama Kursus                                   | Tarikh Tamat Kursus | Lokasi Kursus  |
|-----|---|---------------------|--|
| 1.  | Taklimat Sistem DBOPS2.1 Wilayah Selatan      | 15 - 16 Jan 2024    | Maritim Negeri Johor                                     |
| 2.  | Taklimat Sistem DBOPS2.1 Wilayah Timur        | 18 - 19 Jan 2024    | Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS)                |
| 3.  | Taklimat Sistem DBOPS2.1 Wilayah Utara        | 23 - 24 Jan 2024    | Maritim Negeri Perak, Kompleks Perikanan Kg. Acheh       |
| 4.  | Taklimat Sistem DBOPS2.1 Wilayah Sarawak      | 29 - 30 Jan 2024    | Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Cawangan Miri, Sarawak |
| 5.  | Taklimat Sistem DBOPS2.1 Wilayah Sabah        | 1 - 2 Feb 2024      | Maritim Negeri Sabah                                     |
| 6.  | Taklimat Sistem DBOPS2.1 Maritim Negeri Perak | 3 September 2024    | Majlis Perbandaran Manjung                               |

Bagi memastikan pengguna sistem aplikasi memahami fungsi sistem dengan jelas serta dapat melaksanakan tugas dengan cekap dan lancar, kursus-kursus berkaitan sistem aplikasi telah dianjurkan dari semasa ke semasa. Pelaksanaan kursus ini adalah berdasarkan keperluan yang dikenalpasti oleh pemilik sistem. Berikut adalah senarai kursus sistem aplikasi yang telah diadakan sepanjang tahun 2024



*Taklimat Sistem DBOPS2.1 Maritim Negeri Perak*



*Taklimat Sistem DBOPS2.1 Wilayah Selatan di Maritim Negeri Johor*



*Taklimat Sistem DBOPS2.1 Wilayah Timur di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS)*




*Taklimat Sistem DBOPS2.1 Wilayah Sarawak di Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Cawangan Miri, Sarawak*




## UNIT INTEGRITI

### STATISTIK ADUAN INTEGRITI TAHUN 2024




Rajah 1: Bilangan Aduan Tahun 2024

Sepanjang tahun 2024, Unit Integriti telah menerima sebanyak **52 aduan dan maklumat** berkaitan integriti warga APMM seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 1*. Suku ketiga tahun 2024 (Julai hingga September) mencatatkan jumlah aduan tertinggi iaitu sebanyak **19 aduan**, diikuti oleh suku pertama (Januari hingga Mac) dan suku kedua (April hingga Jun) masing-masing dengan **12 aduan**. Suku keempat (Oktober hingga Disember) pula mencatatkan jumlah aduan terendah iaitu sebanyak **9 aduan**.



Rajah 2: Kategori Aduan Diterima pada Tahun 2024

Bagi kategori keseluruhan aduan yang diterima sepanjang tahun 2024 seperti diringkaskan dalam *Rajah 2*, majoriti aduan melibatkan **salah laku** iaitu sebanyak **31 aduan**, diikuti oleh **kesalahan berunsur rasuah** (10 aduan), **tidak patuh SOP** (5 aduan), **lain-lain kesalahan** (3 aduan), dan **penyalahgunaan kuasa** (3 aduan). Secara purata, Unit Integriti menerima sekitar **4 hingga 5 aduan** setiap bulan sepanjang tahun 2024.




*Rajah 3: Sumber Saluran Aduan Tahun 2024*


Dalam memastikan pengadu dapat menyalurkan aduan dengan mudah, pelbagai saluran aduan telah disediakan seperti yang diperincikan dalam *Rajah 3*. Daripada jumlah keseluruhan aduan, majoriti disalurkan melalui **surat** yang mencatatkan jumlah tertinggi. Ini diikuti oleh aduan yang diterima melalui **telefon, e-mel rasmi, media sosial** (termasuk aplikasi Whatsapp), **berjumpa secara bersemuka**, dan **sistem atas talian SISPAA**. Dapatan ini menunjukkan bahawa saluran konvensional seperti surat dan telefon masih menjadi pilihan utama pengadu berbanding saluran digital. Walau bagaimanapun, penggunaan medium atas talian juga menunjukkan perkembangan selari dengan kemudahan teknologi semasa.



### STATISTIK TATATERTIB BAGI TAHUN 2024




Rajah 1: Statistik Bilangan Kes Tatatertib Diterima dan Diselesaikan APMM Bagi Tahun 2024



Rajah 2: Jenis Kesalahan Tatatertib yang Dilaporkan Pada Tahun 2024

Unit Integriti APMM telah menerima laporan perakuan tata tertib bagi kes pelanggaran peraturan/ tatakelakuan sebanyak 44 kes bagi tahun 2024. Merujuk kepada Rajah 1, suku pertama tahun 2024 iaitu pada bulan Januari hingga Mac mencatatkan jumlah penerimaan laporan tertinggi iaitu sebanyak 28 kes. Sebanyak 18 kes pula telah diselesaikan dan dijatuhkan hukuman sepanjang tahun 2024. Manakala Rajah 2 menunjukkan jenis kesalahan tata tertib/ pelanggaran tatakelakuan yang dilaporkan di mana pelanggaran di bawah Peraturan 4 (2)(i), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 iaitu ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah mencatatkan pelanggaran yang tertinggi iaitu sebanyak 26 kes. Lain-lain kes adalah merujuk kepada kes seperti kebankrapan/ keterhutangan kewangan yang serius dan lain-lain pelanggaran di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993.



Rajah 3: Jenis Hukuman Tata tertib yang Dikenakan Pada Tahun 2024

Rajah 3 menunjukkan statistik hukuman yang dikenakan sepanjang tahun 2024 yang mana hukuman Buang Kerja merupakan hukuman tertinggi yang dikenakan bagi pelanggaran tatakelakuan/ tata tertib yang dilaporkan. Hukuman ini dikenakan bagi kesalahan bermerit tinggi seperti jenayah rasuah, penyalahgunaan dadah dan kesalahan Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC). Agensi memandang serius terhadap kesalahan berikut dan mengenakan hukuman yang paling berat agar ianya menjadi iktibar dan pengajaran kepada semua warga APMM supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.



## LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM PENGUKUHAN INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA TAHUN 2024

| BIL. | PROGRAM  | TARIKH       | TEMPAT                   | PESERTA                       | CATATAN   |
|------|--|--------------|--------------------------|-------------------------------|---|
| 1.   | Bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) sempena Amanat KP APMM                                 | 19 Jan 2024  | Auditorium Aras 11, APMM | 120 (fizikal)<br>450 (online) | Borang IBR diserahkan ke UI APMM sebanyak 3,298 |
| 2.   | Program Bual Bicara Integriti APMM (Pengurusan Kewangan Peribadi)                      | 7 Mac 2024   | Auditorium Aras 11, APMM | 100 (Fizikal)<br>400 (online) |   |
| 3.   | Program Libat Urus dan Jelajah Integriti ke Maritim Negeri Kelantan                    | 4-5 Jun 2024 | Maritim Negeri Kelantan  | 50 (Fizikal)                  |   |
| 4.   | Program Sembang Integriti Bulan Ogos : Lapor Rasuh – Adakah perlu dan ada ganjaran ke? | 29 Ogos 2024 | Ibupejabat APMM, Aras 12 | 100 (Online)                  |   |
| 5.   | Program Sembang Integriti Bulan Sept : Pengurusan Aduan Integriti                      | 25 Sept 2024 | Ibupejabat APMM, Aras 12 | 120 (online)                  |   |
| 6.   | Program Bual Bicara Integriti Bulan Okt Bersama SPRM                                   | 17 Okt 2024  | Ibupejabat APMM, Aras 12 | 150 (online)                  |   |
| 7.   | Program Sembang Integriti Bulan Nov : Pengukuhan Modal Insan Berteraskan MPGIA         | 21 Nov 2024  | Ibupejabat APMM, Aras 12 | 80 (online)                   |   |
| 8.   | Program Sembang Integriti Bulan Dis 2024 : Sesal Dahulu Pendapatan                     | 16 Dis 2024  | Ibupejabat APMM, Aras 12 | 140 (online)                  |   |

**E-HEBAHAN INTEGRITI – EMAIL, WHATSAPP, FACEBOOK & MAJALAH SEAHAWK**

| BIL. | BULAN                    | E-HEBAHAN INTEGRITI   |
|------|--------------------------|---|
| 1.   | Siri 1/2024<br>Feb       | Pena Integriti APMM<br>"Isytihar dan laporkan pemilikan harta"                              |
| 2.   | Siri 2/2024<br>Mac       | Pena Integriti APMM<br>"Ukur Baju Di Badan Sendiri :<br>Keterhutangan Kewangan yang Serius" |
| 3.   | Siri 3/2024<br>Mei       | Pena Integriti APMM<br>"Jangan Main Api Kelak Membakar Diri"<br>Jauhi Skim Cepat Kaya       |
| 4.   | Siri 4/2024<br>Jun       | Pena Integriti APMM<br>"Larangan Membuat Pernyataan Awam &<br>Berhati-hati di Media Sosial" |
| 5.   | Siri 5/2024<br>Julai     | Pena Integriti APMM<br>"Larangan Penggunaan Pengaruh Luar<br>& Surat Sokongan"              |
| 6.   | Siri 6/2024<br>Ogos      | Pena Integriti APMM<br>"Kebenaran ke Luar Negara"   |
| 7.   | Siri 7/2024<br>Ogos      | Pena Integriti APMM<br>"Bahana Skandal Membinasakan"  |
| 8.   | Siri 8/2024<br>September | Pena Integriti APMM<br>"Akibat tidak mematuhi SOP dan Peraturan"                            |
| 9.   | Siri 9/2024<br>September | Pena Integriti APMM<br>"Stop Dadah : Ujian Air Kencing"                                     |
| 10.  | Siri 10/2024<br>Oktober  | Pena Integriti APMM<br>"Kegagalan Melaporkan Suapan"  |
| 11.  | Siri 11/2024<br>November | Pena Integriti APMM<br>"Rasuah itu sedap tapi menjahanamkan"                                |
| 12.  | Siri 12/2024<br>Disember | Pena Integriti APMM<br>"Mencalarkan imej Organisasi"  |



**UKUR BAJU DI BADAN SENDIRI!**

"Seseorang pegawai tidak boleh dengan apa-apa jua cara pun menyebabkan dirinya berada dalam keterhutangan kewangan yang serius"

Peraturan 13, P.U.(A) 395 Peraturan Pegawai Awam (Ketelatan dan Tata tertib) 1993

**hutang**

Keterhutangan kewangan yang serius yang disebabkan oleh pegawai itu sendiri hendaklah dianggap sebagai memburukkan nama Perkhidmatan Awam dan boleh membawa kepada tindakan tatatertib.

**Anda Sudah Isytihar Harta?**

Semakin aku rampang lalai di Alaa ambil dia dengan kemua baru. Masyuk! Bonyak duit dia eh. Diah isytihar ke belum tu?

Wah Nadia, ko dah isytihar harta ke belum? Kalau belum balik ko buat cepat!

Saya dah isytihar dalam bentuk dan... kemuaak & tahun ke belakang

Perfano semit... hama lalai pun kila sara isytihar jejak

Untuk rujukan lanjut, sila imbas

**ISYTIHAR & LAPORKAN PEMILIKAN HARTA ANDA!!**

\*Pegawai yang gagal membuat pengisytiharan harta, boleh dikenakan tindakan di bawah Peraturan 13, Peraturan Pegawai Pegawai Awam (Ketelatan dan Tata tertib) 1993 (P.U.(A) 395/1993).

"Jangan bermain api, kelak membakar diri"

**JAUHI SKIM CEPAT KAYA**

Pegawai awam yang melabur dalam skim cepat kaya akan dikenakan tindakan tatatertib kerana boleh dieratkan/ditahapikan sebagai bersubahat atau bersekongkol dengan penganjur atau pengantara skim tersebut. Pegawai yang ingkar dengan larangan ini boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4, P.U.(A) 395/1993.

**TAHUKAH ANDA**

**LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM DAN BERHATI-HATI DI MEDIA SOSIAL**

"Pernyataan awam" dan adalah tertakluk kepada larangan di bawah subperaturan 9C(1), P.U.(A) 395/1993 yang menyatakan seperti berikut:

Seseorang pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain tanpa kebenaran -

- membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan dan keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu.
- membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan atau memburukkan nama Kerajaan.
- membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan.
- mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.

P.U.(A) 395/1993 Peraturan Pegawai Pegawai Awam (Ketelatan dan Tata tertib) 1993

**PERHATIAN**

**LARANGAN PENGGUNAAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN**

Guna kabel

Peraturan 4(2)(b) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Ketelatan dan Tata tertib) 1993 iaitu

4(2) Seseorang pegawai tidak boleh (b) membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong mana-mana tindakan berhubung dengan perkhidmatan awam sama ada tentatifnya sendiri atau tuntutan anggota-anggota perkhidmatan awam lain.

PENA INTEGRITI APMM SIRI 5/2024

**PEMATUHAN WAKTU BEKERJA PEGAWAI AWAM**

**1** Pegawai awam perlu patuh waktu bekerja dan tidak berada di tempat-tempat yang tidak sepatutnya dalam waktu bekerja tanpa kebenaran Ketua Jabatan.

**2** Ketua Jabatan atau Penyelia perlu memantau pergerakan pegawai dengan PEMASTIKAN mereka mendapat KEBENARAN sebelum meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja.

**TINDAKAN**

KEGADALAN mematuhi waktu bekerja bertentangan dengan Perintah Am 5, Perintah Am 6 dan waktu bekerja dan lebih masa 10% dan peraturan 24, Peraturan Pegawai Awam 1993 (Ketelatan dan Tata tertib).

**PENA INTEGRITI APMM SIRI 6/2024**

**MENGEMUKAKAN DOKUMEN / TUNTUTAN PALSU**

PENA INTEGRITI APMM SIRI 9/2024

Mana-mana orang mengemukakan dokumen tuntutan (resit, invoice) yang mempunyai butiran matan palsu dengan niat untuk memperdayakan prinsipal (pejabatnya) [Seksyen 18 ASPRM 2009]

Pegawai yang mengemukakan dokumen/ tuntutan palsu adalah melanggar tatakelakuan di bawah Peraturan 4(2)(f) dan 4(2)(g), [P.U.(A) 395/1993] iaitu seseorang Pegawai tidak boleh tidak jujur atau tidak amanah dan tidak bertanggungjawab.

**Tindakan :** Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga dijatuhkan hukuman **BUANG KERJA**.

**UNIT INTEGRITI APMM**

## APMM TERIMA PENSIJILAN ANTI BIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) MS ISO 37001:2016

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah mendapat pengiktirafan dan memperoleh pensijilan MS ISO 37001:2016 *Anti Bribery Management System (ABMS)* pada 22 November 2024 melalui pengauditan oleh National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH). Setelah melalui fasa pembangunan dan pengauditan yang dilaksanakan, APMM telah berjaya mendapatkan pensijilan tersebut merangkumi skop Pengoperasian, Penguatkuasaan dan Keselamatan, Pengurusan Kewangan dan Perolehan, Tadbir Urus Kontrak, Siasatan Undang-Undang, Pengurusan Maklumat dan Data dan Pengurusan Pentadbiran dan Sumber Manusia.

Melalui pensijilan yang diterima oleh APMM menunjukkan usaha Agensi dalam memantapkan tadbir urus, integriti dan anti rasuah dalam kalangan warga. Agensi dapat mengesan, menangani dan mengelakkan insiden rasuah daripada berlaku. Pada masa yang sama, ia juga menjamin kepatuhan Agensi kepada undang-undang, peraturan serta komitmen yang telah digariskan. Tindakan yang dilaksanakan ini bertujuan mengekang perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam kalangan warga Agensi.

Dalam mencapai hasrat ini, beberapa rangka kerja dan tindakan bagi mendapatkan pensijilan telah dilaksanakan bersama kerjasama daripada setiap Bahagian dan Unit di Ibu Pejabat APMM. Beberapa polisi utama telah diterbitkan antaranya Polisi Anti Rasuah, Polisi Konflik Kepentingan, Polisi Pengaruh Luar dan Surat Sokongan, Polisi Pengurusan Hadiah dan Polisi Pelindungan Pemberi Maklumat. Pelan Pengurusan Risiko Rasuah di Agensi juga telah dirancang bagi memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan mencapai tahap terbaik kepada warga Agensi yang juga seiring dengan objektif, visi dan misi Agensi secara keseluruhannya.



(Sesi Penyerahan Pensijilan Anti Bibery Management System (ABMS)

MS ISO 37001:2016 oleh Ketua Pegawai Eksekutif Niosh, Encik Syamsul Zahrin Bin Hj Zainudin kepada Ketua Pengarah APMM)



## UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)

**Unit Komunikasi Korporat (UKK)** ialah sebuah unit penting dalam struktur organisasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang bertanggungjawab menguruskan segala bentuk komunikasi rasmi dan tidak rasmi bagi pihak agensi, termasuk komunikasi dalaman, hubungan dengan media, penjenamaan, serta pengurusan imej dan reputasi agensi.

Di samping itu, Unit ini merupakan unit yang mengawal, menyelia dan bertanggungjawab dalam meningkatkan imej APMM di peringkat nasional dan antarabangsa dengan menjalankan pelbagai aktiviti publisiti dan promosi di platform media konvensional dan digital. Unit ini juga terbahagi kepada dua seksyen seperti berikut,

- Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan
- Seksyen Perancangan Komunikasi dan Multimedia

UKK juga turut membantu melaksanakan pelbagai program gerak saraf dan perang saraf yang dianjurkan oleh Maritim Negeri dan juga Zon Maritim. Selain daripada itu, UKK juga telah merencanakan beberapa Wawancara Khas bagi Pengurusan Tertinggi di Media Elektronik dan Cetak, Pameran Kerjaya, Penerbitan Majalah Sea Hawk, Hari Bersama Pelanggan, Preventice SAR / Latihan Sarex dan Program Sahabat Maritim / Khidmat Komuniti / Hari Terbuka APMM.

### PERANAN DAN FUNGSI

Unit Komunikasi Korporat juga mempunyai peranan dan fungsi iaitu Komunikasi Luaran & Hubungan Media, Pengurusan Imej & Penjenamaan, Pengurusan Krisis & Isu, Media Sosial & Komunikasi Digital, Komunikasi Dalaman, Promosi & Pendidikan Awam, Menangkis Maklumat Tidak Sahih, Liputan Operasi Maritim dan Kempen Kesedaran Maritim serta Penerbitan Bahan Korporat

### KEPENTINGAN STRATEGIK

Unit ini juga bukan sekadar unit penyiaran maklumat tetapi merupakan **saluran strategik** dalam membantu Maritim Malaysia dalam membentuk **naratif positif** berkaitan keselamatan maritim negara, mengurus persepsi awam dan keyakinan rakyat terhadap operasi APMM dan melindungi **reputasi organisasi** ketika berdepan isu atau insiden kritikal.



## SEKSYEN PERHUBUNGAN AWAM DAN KHIDMAT PELANGGAN

Seksyen Perhubungan Awam dan Khidmat Pelanggan telah melaksanakan aktiviti promosi dan publisiti Maritim Malaysia seperti mengeluarkan kenyataan media, sidang media, pameran Agensi, pameran kerjaya, hari bersama media, perhubungan media atau *engagement* bersama organisasi media dan lain- lain.

Diantara tugas seksyen ini adalah seperti berikut:

Menjadi Penghubung Antara Agensi dan Orang Awam, Menyambut dan Mengurus Aduan/Pertanyaan Pelanggan, Meningkatkan Imej dan Kepercayaan Awam, Menjalankan Aktiviti Libat Urus (Engagement) dan Pendidikan Awam, Mengurus Saluran Komunikasi Rasmi Pelanggan, Mengurus Borang Maklum Balas dan Penilaian Perkhidmatan serta Mewujudkan Sistem Pengurusan Aduan yang Efisien (CRM)

## PAMERAN

Sebanyak 25 pameran telah dilaksanakan oleh Tim Pameran Ibu Pejabat iaitu 3 pameran Antarabangsa Malaysia International Marine Expo (MIMEX) 2024 di KLCC, Kuala Lumpur, Karnival Udara Antarabangsa Melaka (KUAM24) di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka dan Selangor Aviation Show 2024 di SkyPark Regional Aviation Centre, Subang. 5 Pameran Program MADANI KDN yang dianjurkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Manakala 17 pameran kerjaya dan promosi APMM.

Bagi Maritim Negeri Kedah/ Perlis pula sebanyak 9 pameran, Maritim Negeri Pahang sebanyak 8 pameran dan diikuti oleh Maritim Negeri Selangor sebanyak 6 pameran, Maritim Negeri Serawak sebanyak 5 pameran manakala Maritim Negeri Perak, Maritim Negeri Sabah sebanyak 4 pameran, Bagi Maritim Negeri Pulau Pinang, Maritim Negeri Terengganu, Maritim Negeri Melaka/Negeri Sembilan dan Maritim Negeri Johor sebanyak 3 pameran dan 2 pameran dari Maritim Negeri Kelantan.

| BIL    | NEGERI       | JUMLAH | BIL | NEGERI     | JUMLAH | BIL | NEGERI      | JUMLAH |
|--------|--------------|--------|-----|------------|--------|-----|-------------|--------|
| 1.     | Kedah/Perlis | 9      | 5.  | Pahang     | 8      | 9.  | Melaka/N9   | 3      |
| 2.     | P.Pinang     | 3      | 6.  | Terengganu | 3      | 10. | Sabah       | 4      |
| 3.     | Perak        | 4      | 7.  | Kelantan   | 2      | 11. | Johor       | 3      |
| 4.     | Selangor     | 6      | 8.  | Sarawak    | 5      | 12. | Ibu Pejabat | 25     |
| JUMLAH |              |        |     |            |        |     |             | 75     |





## LIPUTAN MEDIA

UKK juga telah menguruskan pemantuan berita bagi semua liputan media berkaitan dengan APMM. Pada tahun 2024 sebanyak 10,609 liputan yang mencakupi berita Penguatkuasaan, Carilamat dan lain - lain.

|                |               |
|----------------|---------------|
| Penguatkuasaan | 6,087 liputan |
| Carilamat      | 2,479 liputan |
| Lain - Lain    | 2,043 liputan |

Manakala pecahan bagi Statistik Liputan Media melalui Media Online, Media Cetak, Elektronik (TV) dan Radio sebanyak 10,609 liputan seperti berikut:

|                       |               |
|-----------------------|---------------|
| Media Online          | 8,017 liputan |
| Media Cetak           | 1,962 liputan |
| Media Elektronik (TV) | 410 liputan   |
| Radio                 | 220 liputan   |



## PECAHAN MENGIKUT KATEGORI

Bagi pecahan liputan berita/rencana mengikut negeri terbahagi kepada tiga kategori iaitu Penguatkuasaan, Carilamat dan Lain- lain aktiviti.

Berita penguatkuasaan mendapat liputan tertinggi iaitu sebanyak 6,087 liputan, dengan didominasi oleh berita mengenai tangkapan kapal dagang, bot nelayan asing, PATI dan penyeludupan. Berita Mencari dan Menyelamat, menerima sebanyak 2,479 liputan.

Berita-berita lain, merangkumi segala aktiviti yang dijalankan sepanjang 2023 di semua Maritim Negeri, AMSAS dan Stesen Udara Maritim Subang sebanyak 2,043 liputan.


## ADUAN APMM

Aduan yang diterima oleh APMM pada tahun ini sebanyak 41 yang melibatkan penguatkuasaan sebanyak 24 kes yang melibatkan pencerobohan, langgar syarat lesen, penyeludupan dan pelbagai. Manakala diikuti kes Intergriti sebanyak 10 kes, Aduan Sumber Manusia sebanyak 6 kes dan aduan pengurusan sebanyak 1 kes.

Aduan - aduan tersebut akan diselesaikan mengikut tempoh penyelesaian aduan yang ditetapkan 15 hari berkerja.

Sumber - sumber aduan ini disalurkan melalui aduan seperti SISPA MMEA (24), SISPA BPA (5), SISPA KDN (5), SISPA JPA (3), SISPA SPA (3) dan SISPA (PMO) (1).

Tempoh Penyelesaian Aduan 2024 :



## SEKSYEN PERANCANGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Seksyen Perancangan Komunikasi dan Multimedia merupakan cabang utama di bawah Unit Komunikasi Korporat (UKK) yang bertanggungjawab dalam perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan strategi komunikasi kreatif serta pengurusan multimedia. Seksyen ini menjadi tunjang kepada usaha memperkukuh imej korporat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) melalui pendekatan komunikasi yang bersepadu dan berkesan.

## PERANCANGAN STRATEGI KOMUNIKASI

Seksyen ini bertanggungjawab merangka pelan komunikasi jangka pendek dan jangka panjang yang selaras dengan visi, misi dan nilai teras Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia). Pelan komunikasi ini penting bagi memastikan segala bentuk penyampaian mesej dilakukan secara konsisten, tepat sasaran dan mampu memberi impak positif kepada khalayak sasaran. Di samping itu, sekisyen ini turut menyokong pelaksanaan kempen promosi dan publisiti di peringkat nasional dan antarabangsa, sekali gus memperkukuh kedudukan agensi sebagai sebuah organisasi penguatkuasaan yang berwibawa.



## PENGURUSAN MULTIMEDIA

Selain peranan dalam perancangan komunikasi, seksyen ini juga mengurus penghasilan bahan multimedia rasmi agensi. Antara bahan yang dihasilkan termasuk infografik, animasi, dokumentari, video pendek dan e-poster. Semua bahan ini direka bentuk bagi menyokong keperluan hebahan rasmi serta kempen kesedaran masyarakat. Kreativiti dan inovasi dalam penghasilan bahan multimedia menjadikan penyampaian maklumat lebih menarik dan mudah difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat, selain meningkatkan tahap penglibatan khalayak dengan mesej yang disampaikan.

## PENGURUSAN PLATFORM DIGITAL & MEDIA SOSIAL

Seksyen ini turut bertanggungjawab mengendalikan kandungan laman web rasmi Maritim Malaysia serta mengurus dan memantau semua platform media sosial agensi. Fokus utama adalah memastikan penyampaian maklumat yang tepat, pantas dan berkesan kepada masyarakat serta membina kehadiran digital yang positif.

## PENYELIDIKAN DAN PENILAIAN KOMUNIKASI

Selain itu, seksyen ini turut menjalankan analisis keberkesanan kempen komunikasi dan penghasilan bahan multimedia. Hasil penilaian digunakan bagi menyediakan laporan serta cadangan penambahbaikan berterusan. Tanggungjawab utama seksyen ini juga merangkumi pemantauan imej dan persepsi awam terhadap agensi melalui pelbagai medium media sosial seperti Facebook, Instagram, YouTube, Twitter, TikTok dan lain-lain.

Sepanjang tahun semasa, sebanyak 193 penerbitan telah dihasilkan dalam bentuk video, e-poster serta infografik. Antara penerbitan tersebut adalah Rangkuman Berita Bulanan (8) penerbitan, Laporan Khas (0) penerbitan, Video Pendek / Pesanan Khidmat Awam (PSA) (20) penerbitan, MCG Highlight (99) penerbitan dan Program Siaran Langsung (40) penerbitan.

Selain itu, sebanyak 83 penerbitan e-poster dan infografik berkaitan agensi turut diterbitkan. Kandungan ini merangkumi kempen kesedaran keselamatan di laut, hebahan umum serta mesej berbentuk advokasi lain yang menyokong usaha meningkatkan literasi maritim dalam kalangan masyarakat.

Jadual 1 menunjukkan pecahan saluran penerbitan mengikut platform yang digunakan.

| BIL           | SALURAN PENERBITAN                  | JUMLAH     |
|---------------|-------------------------------------|------------|
| 1             | Berita Bulanan                      | 8          |
| 2             | Laporan Khas                        | 0          |
| 3             | Video Pendek / Pesanan Khidmat Awam | 20         |
| 4             | MCG Highlight                       | 99         |
| 5             | Poster / Infografik                 | 83         |
| 6             | Program Siaran Langsung             | 40         |
| <b>JUMLAH</b> |                                     | <b>250</b> |



POSTER 2024

1. Hari Inovasi

**HARI INOVASI 2024**  
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

**24 OKTOBER 2024**  
LOBI ARAS 3 IBU PEJABAT APMM

**KEPUTUSAN PERTANDINGAN**

**Kategori Individu**

- CETSUAN IDEA KREATIF & INOVATIF
- KUIZ INOVASI ONLINE
- VIDEO MONTAJ SAMBUTAN HARI INOVASI

**Kategori Kumpulan**

- KONVENSYEN KIK
- INNOVATION INDOOR GAMES
- PERSEKITARAN PEDABAT YANG KREATIF DAN INOVATIF

**20 Reruai pempamer**

- PELBAGAI HADIAH YANG MENARIK
- SESI PERKONGSIAN DAN CERAMAH
- GERAI DUALAN (PUSPANITA)

**TARIKH AKHIR PERTANDINGAN**  
**18 OKTOBER**

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia | @MYCoastGuard | Malaysia\_CoastGuard | Malaysia Coast Guard | @malaysiacoastguard | www.mmsa.gov.my

2. Hari Deepavali

**MALAYSIA MADANI**

**SELAMAT MENYAMBUT**  
*Deepavali*  
**FESTIVAL OF LIGHTS**

IKHLAS DARIPADA  
LAKSAMANA MUDA MARITIM  
DATUK HAJI MOHD ROSLI BIN ABDULLAH  
KETUA PENGARAH  
AGENSI PENGUATKUSAAN MARITIM MALAYSIA

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia | @MYCoastGuard | Malaysia\_CoastGuard | Malaysia Coast Guard | @malaysiacoastguard | www.mmsa.gov.my



### 3. Sebut Harga | Infografik

**TARIKH TUTUP SEBUT HARGA**  
**12.00 PM 2 JAN 2025**

**TAWARAN SEBUT HARGA**  
**PELUPUSAN ASET APMM**  
**SECARA TUKAR BARANG/ PERKHIDMATAN**

TERBUKA KEPADA SYARIKAT ATAU INDIVIDU

**1** BUAH BOT DIJUAL (AS-IS-WHERE-BASIS)

BARANG YANG DITUKARKAN HENDAKLAH BARU, BERKUALITI, ASLI DAN BUKAN BARANG TIRUAN

ASET BOLEH DILIHAT PADA 30 DAN 31 DISEMBER 2024 9.00 PAGI HINGGA 4.00 PETANG

**LOKASI ASET**

IBU PEJABAT MARITIM NEGERI TERENGGANU  
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI JALAN HILIRAN  
20300 KUALA TERENGGANU TERENGGANU

SEBARANG PERTANYAAN LANJUT, HUBUNGI URUSETIA:  
Puan Nor Khalilah 09-622 3657 SAMB. 1007 ATAU 016-5956945  
LK (M) Mohd Rizuwan Hafizi 019-9831989

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia | @MYCoastGuard | Malaysia\_CoastGuard | Malaysia Coast Guard | www.mmas.gov.my

### 4. Sekalung Tahniah

**MALAYSIA MADANI**

**TAHNIAH**

**MARITIM NEGERI MELAKA DAN NEGERI SEMBILAN**  
**ZON MARITIM TANJUNG MANIS**  
**ZON MARITIM MERSING**

atas pengiktirafan  
**PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN**  
bertaraf lima (5) bintang

IKHLAS DARIPADA  
**KETUA PENGARAH**  
**DAN SELURUH WARGA**  
**AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia | @MYCoastGuard | Malaysia\_CoastGuard | Malaysia Coast Guard | @malaysia coast guard | www.mmas.gov.my



### 5. Tahukah Anda | Infografik

**LANGKAH KESELAMATAN KETIKA AKTIVITI DI PANTAI**

**TANDA AMARAN**  
Sentiasa peka dengan tanda amaran seperti bendera merah dan penjaga pantai yang bertugas.

**PERUBAHAN CUACA**  
Sentiasa peka akan perubahan cuaca dan keadaan sekeliling seperti ketajuan angin dan ketinggian ombak.

**PERINGATAN AWAL**  
Ibu bapa hendaklah memberikan peringatan awal dan nasihat kepada anak-anak tentang keselamatan di pantai.

**PERGERAKAN BERKUMPULAN**  
Sentiasa melakukan aktiviti atau pergerakan secara berpasangan atau berkumpul.

**TALIAN KECEMASAN**  
Lapor segera sekiranya berlaku sebarang kecemasan dan mempelajari ilmu pertolongan cemas untuk tindakan awal.

MESSEI INI DIBAWA KHAS OLEH: BAHAGIAN CARILAMAT DAN BANTUAN BERANGKAP

www.mmas.gov.my | Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia | Malaysia CoastGuard | MYCoastGuard

### 6. Hebahan Radio

**MALAYSIA MADANI**

**NASIONAL<sup>TM</sup>**  
Sentiasa Di Hati

**ALFA**  
ANALIS LAPORAN TAJUK AGENDA

**KESEDARAN KESELAMATAN DI LAUT SEMPENA MONSUN TIMUR LAUT**

**27 NOV 2024 | RABU | 10.30 - 11.00 PAGI**

**BERSAMA**  
KEPTEEN MARITIM MOHD ARIZ BIN MO KASSIM  
TIMBALAN PENGARAH  
BAHAGIAN CARILAMAT DAN BANTUAN BENCANA  
AGENSI Penguatkuasaan MARITIM MALAYSIA

Freeview | astro | LIVE

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia | MYCoastGuard | www.mmas.gov.my



## AKADEMI MARITIM SULTAN AHMAD SHAH (AMSAS)

### PASUKAN KADET MARITIM MALAYSIA (PASKAM) SMK SUNGAI BAGING, KUANTAN NAIB JOHAN PERTANDINGAN IKHTIAR HIDUP PERINGKAT NEGERI PAHANG

Pasukan Kadet Maritim Malaysia (PASKAM) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Baging, Kuantan telah ditabalkan sebagai naib johan Pertandingan Ikhtiar Hidup Peringkat Negeri Pahang dalam Karnival Pasukan Badan Beruniform Sekolah Peringkat Negeri Pahang 2023 pada 23 Januari 2024.

Seramai lima (5) orang pelajar telah terlibat dalam pertandingan ini bersama tiga (3) orang guru pembimbing. Pertandingan Ikhtiar Hidup ini memerlukan pelajar membuat pondok sementara untuk berlindung dengan menggunakan bahan-bahan berunsur semula jadi yang terdapat di sekitar lokasi perkhemahan. Beberapa jenis ikatan telah digunakan bagi membina pondok sementara tersebut. Hasil aktiviti tersebut telah dirakamkan dalam bentuk video pendek dan dihantar kepada urusetia pertandingan Kokurikulum Peringkat Negeri Pahang. Terdapat empat (4) kategori yang dipertandingkan iaitu Pertandingan Ikhtiar Hidup (pondok sementara), Pertandingan Gajet, Pertandingan Bantu Mula dan Pertandingan Simpulan & Ikatan.

SMK Sungai Baging, Kuantan merupakan sekolah rintis pelaksanaan PASKAM bagi peringkat sekolah menengah. Pengambilan pertama kadet telah dilaksanakan mulai Januari 2020 seramai 46 orang. Kini, setelah pelaksanaannya sejak 4 tahun yang lalu, penyertaan PASKAM sekolah berkenaan adalah seramai 110 orang pelajar yang terdiri daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5.

Selain itu, seramai enam (6) orang guru pembimbing PASKAM turut menyertai Pasukan Sukarelawan Maritim Malaysia (PSMM) yang bernaung di bawah Maritim Negeri Pahang. Penyertaan ini bagi memberikan latihan dan pendedahan kepada guru-guru berkenaan dengan Maritim Malaysia dengan harapan pelaksanaan aktiviti PASKAM di sekolah yang satu hari nanti akan digerakkan dan diuruskan sendiri oleh guru-guru sekolah yang terlibat.





## SEMINAR MARITIME SECURITY 2024

---

Kedudukan strategik Malaysia di laluan utama maritim dunia, laluan utama pertembungan diantara timur dan barat, menyebabkan negara ini terdedah kepada persaingan kuasa - kuasa besar dunia. Ketegangan ini boleh memberi kesan bukan sahaja kepada keselamatan dan kestabilan kepada Malaysia, namun juga melibatkan negara - negara serantau dan pihak berkepentingan.

Lokasinya yang strategik, kaya dengan sumber alam semula jadi, bahan galian dan sumber maritim, dengan keselamatan dan pertahanan yang stabil, potensi pelancongan dan pendidikan, serta kerjasama serantau dan antarabangsa menjadi faktor utama yang memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara maritim.

Namun, negara ini turut menghadapi pelbagai kekangan dan cabaran berkaitan dengan sektor maritim. Pengurusan berkesan terhadap sumber laut, perlindungan alam sekitar, keselamatan maritim dan kerjasama antarabangsa adalah penting untuk memastikan Malaysia dapat memanfaatkannya bagi meningkatkan ekonomi negara. Negara jua perlu memastikan keselamatan serta kedaulatan perairannya terpelihara agar dapat mengekalkan kestabilan geopolitik serantau.

Bertitik tolak daripada itu, Seminar bertajuk "*Maritime Security 2024*" peringkat antarabangsa telah dianjurkan oleh AMSAS pada 18 Mei 2024 bertempat di Auditorium AMSAS, khusus untuk membincangkan pelan dan rencana berkaitan keselamatan maritim antarabangsa, bagaimana kepentingan penubuhan agensi ini bagi memastikan kestabilan geopolitik serantau dan tanggungjawab agensi ini bagi memastikan keselamatan sektor maritim serantau kekal terpelihara.

Penganjuran seminar terbahagi kepada tiga slot pembentangan oleh penceramah jemputan yang terdiri daripada ahli akademik daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam yang berkaitan, dimana objektif utama seminar adalah untuk menjalinkan hubungan dan kerjasama erat dengan institusi pengajian yang berkaitan bertujuan untuk kajian dan perbincangan berkenaan kepentingan dan keselamatan sektor maritim. Selain itu, objektif kedua penganjuran seminar ini juga bertujuan untuk memberi pendedahan khususnya kepada komuniti maritim yang turut terlibat mengenai hal ehwal semasa berkaitan keselamatan maritim. Manakala objektif terakhir penganjuran adalah untuk membincangkan isu semasa serta berkongsi persepsi, kekangan dan cadangan penyelesaian oleh ahli akademik berkaitan dengan semua pihak berkepentingan untuk mencari suatu solusi bagi menangani ancaman terkini berkaitan keselamatan maritim.

Seminar ini telah merekodkan penglibatan 184 peserta dalam dan luar negara, dengan kehadiran 13 peserta antarabangsa daripada kursus *International Basic Maritime Crime Scene Preservation (IBMSCP) 2024* melalui program *Malaysia Co-operation Third Country (MTCP)* anjuran AMSAS yang turut berlangsung pada waktu yang sama. Peserta antarabangsa terdiri daripada wakil negara Kyrgyzstan, Bangladesh, Fiji, Kenya, Maghribi, Republik Dominica, Somalia, Algeria, Ghana, Gambia, Timor Leste dan Madagascar turut terlibat mengutarakan persoalan dan perbincangan berkaitan slot pembentangan.

Selain itu, sejumlah peserta luar daripada agensi atau jabatan Kerajaan dan swasta yang berkepentingan turut dijemput yang terdiri daripada wakil Markas Wilayah Laut (MAWILLA 1) TLDM, Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Laut 3, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDRM) Negeri Pahang, Pejabat laut Terengganu Jabatan Laut Malaysia (JLM), Jabatan Perikanan Negeri Pahang dan Konsortium



Pelabuhan Kuantan (KPC) Negeri Pahang. Seminar turut diserikan lagi dengan penyertaan para pelajar daripada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang turut serta untuk berkongsi persoalan, pandangan dan rencana berkaitan tajuk perbincangan. Seminar turut melibatkan peserta daripada APMM sendiri iaitu daripada AMSAS, Maritim Negeri Pahang dan Zon Maritim Kemaman.

Seminar ini terbahagi kepada tiga sesi pembentangan oleh tiga panel pembentang jemputan iaitu ahli akademik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kuala Terengganu yang berkepakaran dan mahir berkaitan setiap tajuk yang diutarakan bagi perbincangan. Sesi pertama slot pagi, panel pembentangan disampaikan oleh **Prof. Dr. Wan Izatul Asma Binti Wan Talaat** dengan pembentangan bertajuk **“Navigating the Blue Frontier Through Marine Scientific Research as Guided by Unclos: An Insight for MMEA in Safeguarding Malaysia’s Maritime Interests”**. Pembentangan pertama ini khusus membincangkan pematuhan undang – undang laut antarabangsa iaitu **“United Nations Convention on the Law of the Sea” (UNCLOS)** bagi kepentingan penyelidikan saintifik biodiversiti marin, dan bagaimana ianya perlu menjadi suatu fokus utama agensi ini dan berperanan membantu menguruskan sumber laut, melindungi alam sekitar, menggalakkan kelestarian alam dan menguatkuasakan undang - undang bagi melindungi kepentingan sumber maritim di negara ini.

Seterusnya seminar diteruskan bagi sesi kedua pada slot tengahari, dengan panel pembentangan disampaikan oleh **Prof. Madya Ts. Dr. Jagan Jeevan** dengan tajuk **“An Overview of Maritime Society 5.0 In Cyber Security: A Global Transition for Maritime Sustainability”**. Pembentangan ini berkisar perbincangan konsep komuniti maritim yang berintegrasi dengan teknologi moden, seperti penggunaan kecerdasan buatan (AI), *big data* dan *internet of thing (IoT)* khusus untuk industri maritim, bagi meningkatkan kecekapan, memperkukuhkan bidang pengawasan keselamatan dan penguatkuasaan maritim serta mengekalkan kemampunan serta kelestarian alam. Perbincangan ahli panel bersama peserta turut menekankan risiko keselamatan siber dan keperluan memperkukuh kawalan keselamatan digital dan siber agar transformasi ini sejajar dengan usaha diperingkat global bagi menangani krisis keselamatan industri maritim.

Sesi terakhir pembentangan seminar pada slot petang, dengan panel pembentangan disampaikan oleh **Encik Mazli bin Harun** dengan tajuk **“Malaysian Coast Guard & Maritime Diplomacy Towards National Safety and Sovereignty”**. Pembentangan terakhir ini membincangkan peranan penting objektif penubuhan agensi ini dalam memastikan keselamatan maritim dan kedaulatan wilayah maritim negara terpelihara melalui diplomasi maritim dengan penguatkuasaan kapal berwarna putih (*white hull diplomacy*). Selain itu, perbincangan turut terarah kepada cabaran dan halangan bagi mendaulatkan wilayah maritim negara, terutama di kawasan pertindihan seperti di Laut China Selatan atau persempadanan dengan negara berjiran serantau yang menimbulkan pertikaian, selain isu semasa ketegangan aktiviti – aktiviti penerokaan sumber asli dan perikanan di kawasan bertindih sehingga menuntut campur tangan kuasa – kuasa besar yang lain. Hasil perbincangan bersama, rencana diperolehi agar pihak kerajaan dan pemegang taruh yang berkepentingan untuk bersama memperkukuhkan keselamatan maritim dan menjaga kepentingannya dengan melaksanakan inisiatif pembangunan infrastruktur dan perolehan aset *naval* baru yang bersesuaian, dan kajian semula dasar luar negara oleh pihak kerajaan dengan keperluan lebih bertegas bagi mengulangi komitmennya untuk mempertahankan kedaulatan wilayah maritim negara sambil memperjuangkan resolusi aman melalui saluran diplomatik selaras dengan undang – undang antarabangsa.



Majlis pembukaan dan penutup seminar disempurnakan oleh **YBrs. Kepten Maritim Haris Fadzillah bin Abdullah**, selaku menjalankan tugas Pengarah AMSAS, merakamkan jutaan terima kasih atas kesudian ahli - ahli akademik dari institusi pendidikan tinggi awam untuk hadir berkongsi input pembentangan dan juga penyertaan komuniti maritim terutamanya jabatan – jabatan kerajaan dan agensi awam yang berkaitan. Hasil rumusan pembentangan seminar, melalui ucapan beliau menekankan kepentingan objektif penubuhan agensi ini bagi mengawal dan melindungi wilayah maritim negara serta bantuan menyelamatkan nyawa dan harta benda di laut. Integrasi diplomasi maritim melalui penubuhan agensi ini menggariskan komitmen negara terhadap keselamatan dan kedaulatan wilayah maritim negara. Melalui kerjasama antarabangsa, jalinan persefahaman dengan negara serantau dan strategi domestik yang proaktif, agensi ini akan menangani ancaman dan cabaran dengan berkesan seterusnya memupuk kestabilan serantau melalui diplomasi kapal berwarna putih (*white hull diplomacy*). Beliau juga turut menekankan kepentingan kesedaran awam dan bantuan oleh komuniti maritim yang berkaitan agar membantu dan mengambil peranan penting bagi aspek pengawasan, penyertaan dalam program keselamatan, perlindungan alam sekitar dan kelestarian sumber alam.

#### **AMSAS DAN MTCP ANJUR KURSUS ASAS PEMELIHARAAN TEMPAT KEJADIAN JENAYAH MARITIM PERINGKAT ANTARABANGSA (IBMCSPC) 2024**

Majlis Penutup Kursus Asas Pemeliharaan Tempat Kejadian Jenayah Maritim Peringkat Antarabangsa (IBMCSPC) 2024 telah disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelarasan Maritim, Laksamana Muda Maritim Mohd Zawawi Bin Abdullah di Putrajaya pada 21 Mei 2024.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Penolong Setiausaha Bahagian Kerjasama Dan Pembangunan Antarabangsa, Kementerian Luar Negeri Malaysia, Cik Nur Syaheera Adila Zulkifli, dan Ketua Kluster Pengurusan Dan Pengajian Profesional, Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS), Kapten Maritim Haris Fadzillah bin Abdullah.

Kursus telah berlangsung di AMSAS bermula 13 hingga 17 Mei, dan diikuti di Putrajaya serta Kuala Lumpur pada 19 hingga 21 Mei 2024. 14 peserta terlibat dari 13 negara berbeza, iaitu Kyrgyzstan, Bangladesh, Fiji, Kenya, Maghribi, Republik Dominican, Somalia, Algeria, Qatar, Ghana, Gambia, Timor Leste dan Madagascar.

Kursus ini merupakan salah satu usaha AMSAS dengan kerjasama *Malaysian Technical Cooperation Programme* (MTCP), Kementerian Luar Negeri. Kursus tersebut telah memberi tumpuan kepada perkongsian pengalaman Malaysia, dan negara yang mengambil bahagian dalam pengetahuan forensik dan penyiasatan tempat kejadian jenayah, serta berkongsi amalan terbaik berkaitan penyiasatan tempat kejadian jenayah.

Sepanjang lima hari latihan di AMSAS, semua peserta telah menunjukkan dedikasi dan komitmen yang tinggi dengan dikendalikan oleh jurulatih serta pengajar dari CSI Mobile Training Team (MTT) Maritim Malaysia.



## LAWATAN FASILITI OLEH WAKIL UNITED NATIONS INSTITUTE FOR TRAINING AND RESEARCH (UNITAR) KE AMSAS

Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) telah menerima lawatan daripada Konsultan Kanan (Pengawasan dan Keselamatan) UNITAR, Jonathan Holland. Lawatan beliau telah disambut oleh Komander Maritim Tan Ah Bik, mewakili Pengarah AMSAS pada 7 oktober 2024.

Lawatan fasiliti ini adalah bersempena penganjuran Kursus *Utilization of Satellite Imagery and Space-based Information for Strengthening Maritime Security* pada bulan Disember 2024 nanti bertempat di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS).

Tujuan utama lawatan ini ialah bagi pihak UNITAR melihat sendiri fasiliti-fasiliti yang ditawarkan di AMSAS selain merancang kesesuaian dan persediaan untuk penganjuran kursus kelak. lawatan ini turut disertai oleh Kepten Maritim Mohd Ariz bin Md Kassim, Timbalan Pengarah Bahagian Cari Lamat dan Bantuan Bencana (BCLBB), Maritim Malaysia dan Koordinator Kursus UNITAR, Encik Akmal Burkhanov.

Ini merupakan antara bentuk-bentuk kerjasama yang dilaksanakan oleh Maritim Malaysia dalam usaha bagi memajukan dan memperkasakan keselamatan maritim di Malaysia. Melalui kerjasama proaktif dan perancangan strategik, pihak berkuasa maritim Malaysia boleh melindungi kepentingan maritim dengan lebih baik seterusnya menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran serantau.





# 5 | *JALINAN KERJASAMA*



## BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

### SEKSYEN PERANCANGAN STRATEGIK

Sidang Laksamana Kali Keempat Bil.1/2024 di Zenith Hotel Kuantan pada 22 hingga 24 Ogos 2024. Sidang Laksamana merupakan platform mesyuarat yang tertinggi di peringkat dasar APMM bagi membincangkan apa jua perkara yang melibatkan perancangan, pelaksanaan dan hala tuju APMM secara strategik. Pelaksanaan Sidang Laksamana adalah sebanyak dua kali setahun yang dianggotai dan disertai oleh 16 Pegawai Kanan APMM Skim T (berpangkat Laksamana Pertama Maritim ke atas).



*Leadership Maritime Security Program* (LMSP) telah dilaksanakan pada 9 September hingga 12 September 2024 bertempat di Hotel Pulse Grande, Putrajaya melibatkan pegawai berpangkat Leftenan Komander Maritim. LMSP dengan kerjasama UNODC diadakan untuk pegawai berpangkat Leftenan Komander Maritim bertujuan memberi pemahaman yang komprehensif mengenai keselamatan maritim serta kefahaman terhadap *Maritime Domain Awareness* di Malaysia.





Bengkel Kajian Perancangan Strategik APMM Kali Ketiga Bil.1/2024. Bengkel diadakan di Ehsan Seaview Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan mulai 24 hingga 26 Jun 2024 melibatkan pemegang taruh permohonan perolehan aset bukan fizikal bagi RMKe-13. Bengkel Kajian Perancangan Strategik diadakan bagi mengenalpasti keperluan yang diperlukan di Maritim Negeri termasuk aset dan peralatan sokongan kepada operasi; merangka pelan jangkamasa panjang perolehan aset/ peralatan sokongan berpandukan kepada PPSMM 2040 serta dijadikan pelan tindak dalam Pelan Strategik APMM 2023-2033, dan mengenalpasti dan merangka cadangan perolehan yang akan diberi keutamaan dalam RMKe-13.



Bengkel Perolehan Aset Strategik Maritim Bilangan 1/2024 diadakan di Imperial Heritage Boutique and Gourment Hotel, Melaka pada 27 hingga 29 Mei 2024. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memastikan halatuju perolehan aset APMM berada dalam senarai keutamaan dan memenuhi kehendak kaedah perolehan terbaik kementerian. Bengkel ini yang melibatkan kerjasama Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Awam, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah diberi tanggungjawab untuk mengkaji dan meneroka kaedah perolehan aset maritim yang bersesuaian dan efektif. Ianya merupakan KPI yang ditetapkan dalam kamus inisiatif **BOLD, BRAVE & RADICAL** KDN 2024.



Sesi Pemeriksaan Bajet *Rolling Plan Kelima* (RP5) Tahun 2025 Projek Pembangunan RMKe-12 APMM (Projek Bukan Fizikal) pada 13 dan 14 Mei 2024 di Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Sesi pembentangan dan semakan belanjawan (*Budget Screening*) telah disertai oleh pemegang taruh permohonan projek bukan fizikal APMM dan wakil dari Kementerian Ekonomi. Ianya bertujuan untuk menilai, mengkaji, dan memastikan bahawa anggaran perbelanjaan dan rancangan kewangan yang dicadangkan adalah wajar, efisien, dan selaras dengan objektif pembangunan Agensi dan negara.

Sesi Libat Urus Perancangan Strategik bersama Pengurusan Tertinggi pada 26 November 2024 di Everly Hotel, Putrajaya. Bengkel Sesi Libat Urus Perancangan Strategik Bersama Pengurusan Tertinggi APMM dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi APMM bersama Pengarah-pengarah Bahagian dan Pengarah Maritim Negeri. Ia bertujuan untuk menambahbaik pelan strategik secara sistematik dan komprehensif; membangunkan pelan perancangan strategik tadbir urus yang baik (*good governance*) yang terdiri daripada aspek seperti mekanisme perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian yang berkesan; membolehkan agensi mengawal dan merangka pelan tindakan susulan; dan meletakkan agensi sentiasa proaktif terhadap perubahan persekitaran luaran dan dalaman.



## SEKSYEN ANTARABANGSA

Kunjungan hormat oleh *Regional Attache For Civil Protection And Crisis Management*, Mr. Jean Michel Dumaz dari Kedutaan Perancis ke Ibu Pejabat Maritim Malaysia pada 19 Februari 2024. Kunjungan ini membincangkan pelbagai perkara berkaitan penguatkuasaan maritim dan operasi mencari serta menyelamat (CARILAMAT). Perbincangan ini juga menekankan keperluan kepada kerjasama teknikal dan perkongsian maklumat dalam menangani ancaman maritim seperti bencana alam, keselamatan pelayaran, dan pengurusan krisis.





Kunjungan hormat *Counsellor of Australia Border Force (ABF) Australia High Commission*, Superintendent Brooke Leung ke Ibu Pejabat Maritim Malaysia, Putrajaya pada 24 April 2024. Kunjungan ini bertujuan untuk memelihara hubungan baik dan menjalinkan kerjasama berterusan antara kedua-dua pihak dalam membanteras jenayah rentas sempadan maritim. Selain itu, pertemuan ini menjadi platform penting bagi kedua-dua pihak untuk bertukar-tukar pandangan berkaitan cabaran operasi penguatkuasaan di laut, strategi keselamatan sempadan, serta peningkatan keupayaan teknikal. Perbincangan ini turut membuka peluang untuk memperkukuhkan latihan bersama dan pemindahan kepakaran dalam teknologi pemantauan maritim bagi meningkatkan keupayaan kawalan sempadan.



Penyertaan APMM dalam *ASEAN Coast Guard Forum (ACF) 2024* yang berlangsung pada 4 hingga 6 Jun 2024 di Davao, Filipina. Forum ini membincangkan usaha pemerkasaan kerjasama antara negara-negara ASEAN dalam memastikan kestabilan maritim serantau. Antara isu utama yang dibincangkan adalah perlindungan alam sekitar marin, operasi CARILAMAT, penguatkuasaan undang-undang maritim, serta ancaman seperti penyeludupan dan penangkapan ikan secara haram (IUU Fishing). Forum ini turut menjadi medium penting untuk memuktamadkan pelan tindakan bersama dalam meningkatkan interoperabiliti antara pasukan penguatkuasaan maritim ASEAN. Dengan adanya perbincangan yang konstruktif, Maritim Malaysia dapat memainkan peranan lebih aktif dalam menyelaraskan usaha keselamatan maritim bagi memperkukuhkan kestabilan di rantau ini.





Kunjungan hormat oleh *Vice President of the Diplomatic Academy of Vietnam, Ministry of Foreign Affairs of Vietnam*, Dr. Nguyen Hung Son ke Ibu Pejabat Maritim Malaysia pada 30 Julai 2024. Pertemuan ini berfungsi sebagai platform pertukaran pandangan serta perbincangan mengenai kerjasama strategik antara Maritim Malaysia dan Vietnam dalam aspek diplomasi serta keselamatan maritim serantau. Fokus utama perbincangan termasuk peningkatan keupayaan rondaan maritim, latihan bersama, dan pengukuhan mekanisme pengurusan konflik di laut. Hubungan diplomasi maritim yang diperkukuhkan ini mampu mempercepatkan usaha menangani cabaran keselamatan seperti pemerdagangan manusia dan penyeludupan barang terlarang di perairan serantau.



Penyertaan APMM dalam *The Manila Dialogue on the South China Sea* di Manila, Filipina dari 6 hingga 8 November 2024. Dialog ini menghimpunkan pakar keselamatan maritim dan agensi penguatkuasaan bagi membincangkan cabaran-cabaran di Laut China Selatan. Penglibatan Maritim Malaysia dalam sesi panel bertajuk '*The Coast Guard as Guardians of the Rule of Law at Sea*' menegaskan peranan agensi dalam memastikan kestabilan serta mempromosikan kerjasama maritim serantau. Perbincangan turut memfokuskan cabaran keselamatan maritim yang semakin kompleks, termasuk ancaman geopolitik dan perlindungan laluan perdagangan strategik. Dialog ini juga menjadi medan untuk Maritim Malaysia meningkatkan kerjasama dalam operasi keselamatan bersama negara-negara ASEAN.





Kunjungan hormat oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, H.E. Danielle Heinecke, ke Ibu Pejabat Maritim Malaysia pada 7 November 2024. Kunjungan ini menekankan kepentingan hubungan strategik antara Malaysia dan Australia dalam aspek keselamatan maritim. Perbincangan turut merangkumi isu-isu semasa seperti kawalan sempadan, operasi bersama dalam menangani ancaman maritim, serta pemerkasaan kerjasama dalam latihan dan pembangunan kapasiti pegawai maritim. Selain itu, pertemuan ini juga memberi ruang untuk membincangkan peranan teknologi dan perkongsian data dalam meningkatkan keupayaan operasi penguatkuasaan bagi menangani ancaman yang semakin kompleks di perairan Malaysia



Kunjungan hormat oleh Pengarah Eksekutif *The Regional Cooperation Agreement on Combating Piracy and Armed Robbery against Ships in Asia (ReCAAP) Information Sharing Centre (ISC)*, Mr. Krishnaswamy Natarajan, ke Ibu Pejabat Maritim Malaysia pada 11 November 2024. Pertemuan ini bertujuan untuk mengukuhkan hubungan strategik antara Maritim Malaysia dan ReCAAP ISC dalam menangani ancaman lanun serta rompakan bersenjata di laut. Selain itu, perbincangan juga menumpukan kepada perkongsian maklumat serta kerjasama risikan yang lebih efektif dalam mengurangkan ancaman jenayah maritim. Kerjasama ini akan meningkatkan keupayaan Maritim Malaysia dalam memperkukuhkan mekanisme pemantauan dan respons terhadap insiden keselamatan maritim di rantau ini.





Kunjungan hormat oleh delegasi *Singapore Police Coast Guard* yang diketuai oleh *Commander Police Coast Guard, Senior Assistant Commissioner (SAC) Cheang Keng Keong* ke Ibu Pejabat Maritim Malaysia, Putrajaya pada 5 Disember 2024. Kunjungan ini bertujuan untuk membincangkan hubungan strategik dan keselamatan maritim antara Singapura dan Malaysia serta perkembangan semasa di kedua-dua negara. Selain itu, perbincangan ini juga merangkumi usaha memperkukuhkan kerjasama dalam sektor penguatkuasaan maritim, termasuk pertukaran maklumat risikan, latihan bersama, dan teknologi pemantauan maritim. Hubungan erat antara kedua-dua pihak diharap dapat meningkatkan kecekapan operasi di perairan sempadan dan mengurangkan ancaman jenayah maritim seperti penyeludupan dan pemerdagangan manusia.



# 6 | SOROTAN





02 JANUARI 2024



Majlis Amanat Tahun Baharu 2024 APMM APMM bersama YBhg. Laksamana (M) Datuk Hamid bin Hj Mohd Amin, Ketua Pengarah APMM di Auditorium Aras 11.

03 JANUARI 2024

Majlis Penyerahan Kapal Peronda Luar Pesisir Pantai (OPV1) kepada Kementerian Dalam Negeri di THHE, Port Klang, Selangor.



18 JANUARI 2024



Lawatan Kerja Rasmi oleh YBhg Datuk Ruji bin Haji Ubi Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri ke Kapal Peronda Luar Pesisir (OPV 1) di Jeti Pelabuhan Serawak.



22 JANUARI 2024



Kunjungan  
Hormat YBhg  
Ketua Pengarah  
APMM ke atas  
YBM Tengku  
Seri Bijaya Raja  
Dato' Tengku  
Farok Hussin  
Bin Tengku  
Abdul Jalil,  
SUK Negeri  
Terengganu.

23 JANUARI 2024

Majlis Penutup  
Temasya Sukan  
3K Ibu Pejabat,  
Auditorium  
Aras 11.



06 JANUARI 2023



Kunjungan  
Hormat oleh  
Delegasi  
Singapore  
Navy ke atas  
YBhg Timbalan  
Ketua Pengarah  
(Logistik) di Ibu  
pejabat APMM.



08 FEBRUARI 2024



Majlis Perujian Tilawah Al Quran dan Nasyid Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia.

15 FEBRUARI 2024

Sambutan Hari Ulang Tahun ke 19 APMM yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, Timbalan Menteri Dalam Negeri di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS).



26 FEBRUARI 2024



Majlis Pemakaian Pangkat Laksamana Pertama Maritim ke Laksamana Muda Maritim oleh YBhg Ketua Pengarah APMM ke atas Laksamana Pertama (M) Zawawi bin Abdullah.



26 FEBRUARI 2024



Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Pegawai Kanan Singapore Coast Guard ke APMM.

02 MAC 2024

Majlis Perasmian Penamaan Kapal Peronda Luar Pesisir Pertama OPV1 APMM dengan nama Kapal Maritim Tun Fatimah di Lembaga Pelabuhan Kuching, Serawak.



07 MAC 2024



Final Joint Coordinating Team(JCT) Meeting MMEA-JICA: Comprehensive Operational Capacity Enhancement of MMEA.



26 MAC 2024



Majlis Penyerahan Bingkisan Raya oleh YBhg Ketua Pengarah APMM di Auditorium Aras 11.

01 APRIL 2024

Majlis Berbuka Puasa APMM Bersama YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri di atas Kapal Perondan Pesisir Luar Pantai iaitu KM Tun Fatimah.



16 APRIL 2024



Majlis Persaraan YB Ketua Pengarah APMM ke 6 bertempat di Ibu Pejabat APMM, Putrajaya.



24 APRIL 2024



Kunjungan  
Hormat oleh  
Superintendent  
Brooke Leung  
dari *Australia  
Border Force*  
ke APMM.

29 APRIL 2024

Sambutan  
Majlis Hari Raya  
Aidilfitri APMM.



30 APRIL 2024




Kunjungan  
Hormat  
oleh Vice  
Admiral Pichit  
Srirungrueng  
dari *Royal Thai  
Navy* ke APMM.



06 MEI 2024



Majlis Perasmian 18<sup>th</sup> Defence Service Asia (DSA) dan Signing Contracts Ceremony KDN di Matrade Kuala Lumpur.



28-30 MEI 2024

Lawatan Kerja Rasmi dan Kunjungan Hormat USCG Commandant ke APMM.



20 JUN 2024



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).





01 JULAI 2024



Kunjungan  
Hormat oleh  
Colonel Norbert  
Johannes  
Moerkens,  
Defence Attache,  
Embassy Of the  
Kingdom of the  
Netherlands ke  
APMM.

10 JULAI 2024

Bahagian  
Sumber  
Manusia,  
Ibu pejabat  
menganjurkan  
Kursus Bahasa  
Inggeris  
bersama US  
Embassy di  
APMM.



19 JULAI 2024



Majlis  
Pemakaian  
Pangkat Kepten  
Kehormat  
kepada Tuan  
Mohd Norzam  
bin Mustapa,  
Timbalan Ketua  
Pengaruh  
(Pengurusan)  
di Ibu Pejabat  
APMM.



22 JULAI 2024



Lawatan Sambil Belajar dan Kunjungan Hormat dari 71 Pegawai dan Peserta Kursus Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) ke Ibu Pejabat APMM.

03 OGOS 2024

Majlis Perbarisan Tamat Latihan Laskar Kelas II (M) di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah, Gebeng, Kuantan.



05 OGOS 2024



Kunjungan Hormat dan Mesyuarat Formulating JICA's Cooperation Strategy for the next decade in the field of Maritime Safety & Security di Ibu Pejabat APMM.



12 OGOS 2024



Kunjungan  
Hormat oleh Ms  
Sindu Rahayu,  
Indonesian  
Trasportation  
Attache, Kuala  
Lumpur.

13 OGOS 2024

Kunjungan  
Hormat oleh  
YBrs Tuan Haji  
Wan Muhammad  
Azman bin  
Abdullah,  
Timbalan Ketua  
Pengarah  
Perikanan  
(Pengurusan) ke  
APMM.



14 OGOS 2024



2ND Seminar  
On Asean -  
Rok Maritime  
Cooperation di  
Hotel Double  
Tree, Kuala  
Lumpur.



21 OGOS 2024



Lawatan Kajian Operasi dari Angkatan Tentera Malaysia ke Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah, Gebeng, Kuantan.

22 OGOS 2024

Majlis Perhimpunan Bulanan dan Kibaran Jalur Gemilang di Kementerian Dalam Negeri (KDN).



30 OGOS 2024



Kunjungan Hormat oleh Mr Nakanishi Yusuke, Member of the House Of Councillors Liberal Democratic Party of Japan ke APMM.



31 OGOS 2024



Sambutan Hari Kemerdekaan ke 67 di Dataran Putrajaya.

03 SEPTEMBER 2024

Kunjungan Hormat oleh Ms Eva Oskam, Deputy Ambassador Netherlands Embassy ke APMM.



14 SEPTEMBER 2024



Istiadat Mengarak Panji-Panji Yang di-Pertuan Agong bertempat di Dataran Pahlawan Negara, Putrajaya.



18 SEPTEMBER 2024



Kunjungan Hormat dan Penerimaan Watikah Perlantikan Ketua Pengarah APMM ke 7 Oleh YBhg Laksamana Muda (M) Datuk Haji Mohd Rosli bin Abdulla ke atas YBhg Datuk Awang Alik bin Jeman Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri.



09 OKTOBER 2024

Majlis Perasmian Sarex Malindo 43/3024 bertempat di Hotel Everly Putrajaya.



15 OKTOBER 2024



Kunjungan Hormat oleh Yayasan Food Bank ke atas YBhg Ketua Pengarah APMM.



16 OKTOBER 2024



Program Pembungkusan dan Penerimaan Sumbangan dari Yayasan Food Bank kepada APMM

18 OKTOBER 2024

Kursus *Third Country Training Programme (TCTP) International Forensic Crime Scene Investigation (CSI) Course 2024* di AMSAS.



04 NOVEMBER 2024



Majlis Pemakaian Lencana Pegawai Penerbang APMM oleh Timbalan Ketua Pengarah (Logistik) APMM di Auditorium PGU PDRM, Ipoh, Perak.



07 NOVEMBER 2024



Kunjungan Hormat oleh Delegasi Australia High Commission Kuala Lumpur ke APMM.



07 NOVEMBER 2024

Lawatan Kesiapsagaan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail Menteri Dalam Negeri ke Stesen Udara Maritim Subang.



09 NOVEMBER 2024



Sambutan Hari Bersama Media 2024 anjuran Unit Komunikasi Koporat Ibu pejabat bersama Pengamal Media Putrajaya dan Kuala Lumpur di Lapang Sasar Shapadu, Presint 20, Putrajaya.





18 NOVEMBER 2024



Majlis Penyerahan Pelatih Leftenan Muda Siri 12/2024 dan Laskar Kelas II (M) siri 18/2024 di AMSAS.



21 NOVEMBER 2024

Kunjungan Hormat oleh Mr Shivakumar Nair, Deputy High Commissoon Kuala Lumpur ke APMM.



02 DISEMBER 2024



Majlis Perasmian dan Pelaksanaan Op Redback 19 di Maritim Negeri Selangor.





12 DISEMBER 2024



Majlis Bacaan Yassin dan Doa Selamat Sempena Kenaikan Pangkat Ketua Pengarah APMM ke 7 Di Auditorium Aras 11.



12 DISEMBER 2024

Majlis Pemakaian Pangkat Ketua Pengarah APMM ke 7 oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail, Menteri Dalam Negeri di Kementerian Dalam Negeri.



12 DISEMBER 2024



Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri.





19 DISEMBER 2024



Kunjungan  
Hormat oleh  
Laksamana  
(M) Datuk Haji  
Mohd Rosli bin  
Abdullah ke  
atas YAB Dato'  
Seri Anwar  
bin Ibrahim  
di Bangunan  
Perdana  
Putra, Jabatan  
Perdana  
Menteri.









**Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia**

Kementerian Dalam Negeri  
Aras 4-12, One IOI Square,  
IOI Resort, 62502 PUTRAJAYA.  
[www.mmea.gov.my](http://www.mmea.gov.my)  
[www.facebook.com/maritim.malaysia](https://www.facebook.com/maritim.malaysia)  
Instagram: [malaysia\\_coastguard](https://www.instagram.com/malaysia_coastguard)  
Twitter: [@MYCoastGuard](https://twitter.com/MYCoastGuard)  
Hotline: 03-8943 4001

